AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

ڤليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 19 | RABU 9 MEI, 1984. | رابو 8 شعبان 1404 | PERCUMA



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan T.Y.T. Dr. Wolfram Dufner, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan T.Y.T. Mohammed Magdy Sabry Al-Gheriany, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir.



TUAN Yang Terutama Duta Besar Istimewa dan Mutlak Belgium, Tuan Guy E.E. Copette ketika mengadap Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam selepas Tuan Yang Terutama itu menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya.



KEBAWAH D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika berkenan menerima Surat Tauliah Perlantikan T.Y.T. Dr. Luigi Durante, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Italy.

## DIPLOMAT ASING SEMBAHKAN SURAT TAULIAH

KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam baru-baru ini telah berkenan menerima Surat-Surat Tauliah Perlantikan beberapa orang diplomat asing ke negara ini dalam istiadat yang berasingan di Istana Nurul Iman.

Pada petang Rabu lepas, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman, Tuan Yang Terutama Dr. Wolfram Dufner telah menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia dan selepas itu diikuti oleh duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir, Tuan Yang Terutama Mohammed Magdy Sabry Al-Gheriany.

Pada keesukan harinya, Tuan Yang Terutama Guy E. E. Copette, Duta Besar Istimewa dan Mutlak Belgium telah menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya dan ini diikuti pula oleh Tuan Yang Terutama Dr. Luigi Durante selaku Duta Besar Istimewa dan Mutlak Italy.

Seterusnya pada hari Isnin dua orang lagi diplomat asing menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan mereka.

Tuan Yang Terutama Harle Freeman-Greene menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya selaku Pesuruhjaya Tinggi New Zealand ke negara ini.

Manakala Tuan Yang Terutama Mustafizar Rahman pula menyembahkan Surat Tauliah Perlantikannya selaku Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh di negara ini.

Sebaik-baik selesai mereka menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan masing-masing di istiadat-istiadat tersebut, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mereka mengadap.

Terdahulu dari itu, di perkarangan Istana Nurul Iman, ketibaan setiap diplomat telah disambut dengan perbarisan kehormatan yang terdiri dari anggota-anggota Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan diserikan juga dengan permainan pancaragam dari Pasukan Pancaragam Angkatan Bersenjata Diraja Brunei.

## Pertandingan Quran berakhir malam ini

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pertandingan Membaca Al-Quran Peringkat Negara telah bermula malam semalam di mana lapan peserta, empat qari dan empat qariah telah bertanding.

Pertandingan kali yang ke-24 telah disempurnakan perasmiannya oleh Yang Amat Mulia Pengiran Laila Kanun Diraja Pengiran Bahrin bin Pengiran Haji Abbas, Menteri Undang-Undang merangkap Menteri Perhubungan.

Majlis diteruskan lagi malam ini dengan upacara penyampaian hadiah-hadiah, yang mana Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam dijangka akan berangkat bercemar Duli dan seterusnya berkenan menganugerahkan hadiah-hadiah kepada para pemenang dan peserta yang mengambil bahagian. Di samping itu Kebawah Duli Yang Maha Mulia juga dijangka akan berkenan mengurniakan Titah di majlis tersebut.

### MANISNYA IMAN

"KATAKAN : Adalah sekutu-sekutu kamu itu dapat memimpin kepada kebenaran? Adakah yang dapat memimpin kepada kebenaran itu lebih patut diturut, atau yang tidak dapat memimpin melainkan dipimpin? Mengapa kamu ini? Bagaimana kamu mengambil keputusan? — Makna ayat 35, Surah Yunus.

## PANDUAN TELEFON 1984

BANDAR SERI BEGAWAN. — Panduan Telefon Negara Brunei Darussalam bagi tahun 1984 akan dikeluarkan pada pertengahan bulan ini.

Pelanggan-pelanggan telefon yang ingin untuk mendapatkan panduan telefon tersebut hendaklah membawa borang untuk mendapatkan Panduan Telefon yang boleh didapati di muka 8 dalam buku Panduan Telefon 1983, mulai 15 Mei, 1984.

Bagi pelanggan-pelanggan di Daerah Brunei-Muara, mereka bolehlah mendapatkan panduan tersebut di Bahagian Perdagangan, Pejabat Telekom, Jalan Sultan, Bandar Seri Begawan sementara pelanggan-pelanggan di daerah-daerah Belait, Tutong, Temburong bolehlah mendapatkannya di Pejabat Telekom di daerah masing-masing.

## Brunei — Belanda adakan hubungan diplomatik

BANDAR SERI BEGAWAN. — Negara Brunei Darussalam dan Negeri Belanda telah bersetuju untuk mengadakan perhubungan diplomatik di peringkat kedutaan mulai 2 Mei, 1984.

Satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri Brunei Darussalam, menyatakan bahawa perhubungan tersebut adalah untuk memperkembangkan dan mengukuhkan hubungan kerjasama dan persahabatan antara kedua buah negara.

## Mesyuarat agung PSB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Mesyuarat Agung Pertama Persatuan Sejarah Brunei akan berlangsung di Dewan Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan, Jalan Tutong, pada hari Ahad, 27 Mei, jam 9.30 pagi.

Setiausaha sementara Persatuan Sejarah menyeru kepada para peminat, pengkaji dan orang ramai yang hendak menjadi ahli persatuan tersebut supaya akan dapat menghantar borang untuk menjadi ahli persatuan itu dengan segera tidak lewat daripada 17 Mei supaya jemputan-jemputan akan dapat diedarkan.

Pelita Brunei

9 MEI, 1984

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## PENGANGKUTAN AWAM : HARAPAN UNTUK MENINGKATKAN PERKHIDMATAN SEMAKIN BERTAMBAH

HARAPAN untuk melihat pengangkutan awam berkembang menurut yang sepatutnya telah semakin meyakinkan dengan munculnya Syarikat Pengangkutan Nasional. Syarikat yang ditubuhkan tahun lepas itu keahliannya terbuka kepada orang ramai dan setakat ini mempunyai ahli lebih daripada 100 orang yang antaranya adalah dari kalangan pegawai dan kakitangan Kerajaan. Minggu lepas syarikat tersebut telah melancarkan perkhidmatan permulaanya dengan mempunyai 16 buah lori dan dua buah bas sederhana.

Setakat ini Kerajaan telah mengeluarkan 40 buah permit bagi lori dan dua buah permit bagi bas kepada syarikat berkenaan. Ini sudah menandakan kepercayaan Kerajaan kepadanya. Dan sememangnya pihak berkenaan Kerajaan dalam pengeluaran permit itu sentiasa akan memberi kepercayaan kepada usaha-usaha yang boleh memaju dan mengembangkan perkhidmatan pengangkutan khususnya bagi kemudahan perhubungan orang ramai.

Di segi pengangkutan awam yang menggunakan perkhidmatan bas, kita melihat keperluan kepada perkhidmatan tersebut telah semakin meningkat. Sungguhpun bilangan kenderaan persendirian terus bertambah dengan pesatnya namun pertambahan itu tidaklah dapat memenuhi kehendak ramai pengguna-pengguna pengangkutan awam untuk membawa mereka bukan sahaja dari kawasan-kawasan di luar bandar bahkan juga dari kawasan-kawasan dalam lingkungan bandar sendiri. Kerana itu kita amat gembira manakala Syarikat Pengangkutan Nasional turut memberi perhatian kepada keperluan pengangkutan awam dengan mengadakan perkhidmatan bas bukan sahaja bagi pengangkutan yang menghubungkan pekan-pekan kecil dengan ibu negara bahkan juga pengangkutan di sekitar dan di dalam kawasan ibu negara yang semakin luas dan ramai penduduknya. Dengan yang sedemikian perkhidmatan syarikat pengangkutan yang baharu ini dipercayai akan memberi sumbangan kepada pengangkutan perkhidmatan yang sedia diberikan oleh syarikat lain. Dan dari sana kita berharap akan lahir semacam persaingan yang sihat bukan sahaja untuk kepentingan masing-masing syarikat bahkan juga untuk kepentingan orang ramai menerusi mutu perkhidmatan yang bertambah baik dari semasa ke semasa.

Kerana itu kemunculan Syarikat Pengangkutan Nasional tidak sepatutnya dianggap akan 'memotong jalan' lain-lain syarikat pengangkutan yang sedia ada yang mana sebahagiannya sudah kukuh kedudukannya. Sokongan Kerajaan menerusi pengeluaran permit dalam jumlah yang banyak kepada syarikat yang baharu itu patut diertikan sebagai sama tujuannya dengan pengeluaran permit kepada syarikat-syarikat yang lain. Hakikat bahawa Syarikat Pengangkutan Nasional lebih berbentuk kumpulan secara 'Public Participation' juga boleh dikatakan tidak banyak berbeza dari syarikat kerjasama di mana orang ramai juga berpeluang menyertainya menerusi pembelian saham-saham. Tetapi sementara syarikat-syarikat pengangkutan yang berbentuk kerjasama itu terhad kepada satu-satu kumpulan yang dalam konteks pengangkutan lazimnya adalah dari dalam lingkungan satu-satu kawasan tetapi keahlian dalam Syarikat Pengangkutan Nasional adalah lebih terbuka kepada semua orang yang menjadi rakyat jati negara ini. Dari segi ini kita melihat syarikat yang didukung oleh penyertaan orang ramai secara meluas sedemikian itu tentu mempunyai potensi yang baik untuk berkembang dan seterusnya menjadi syarikat yang berjaya dalam bidangnya asalkan ia boleh terus-menerus mendapat kepercayaan umum terutama sekali dari kalangan pemegang-pemegang dan bakal pemegang sahamnya.

Dalam bidang pengangkutan awam semua pihak tentu mengharapkan akan adanya usaha bagi memberi perkhidmatan pengangkutan bagi orang ramai. Ini adalah merupakan hasrat yang sihat yang inginkan kemajuan dalam bidang pengangkutan awam di negara ini. Memandang bahawa sejarah pengangkutan awam yang berupa perkhidmatan-perkhidmatan bas di negara kita bukanlah baharu maka sudah sewajarnya ia berkembang dan meningkat serta seterusnya berupaya menjadi satu corak perkhidmatan yang orang ramai dapat bergantung kepadanya dalam ertikata pengangkutan yang sebenar-benarnya.

Ke arah itulah sepatutnya mana-mana syarikat pengangkutan termasuklah Syarikat Pengangkutan Nasional yang baharu ditubuhkan dan telah mula menjalankan perkhidmatannya itu berusaha dengan gigih.



DUTA Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman Barat ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Dr. Wolfram Dufner (gambar atas) dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir ke Negara Brunei Darussalam, Tuan Yang Terutama Mohammed Magdy Sabry El-Gheriany (gambar bawah) telah mengadakan kunjungan hormat kepada Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohammad Bolkiah di Pejabat Duli Yang Teramat Mulia itu Khamis lalu.

Kedua-dua Duta Besar itu berada di sini pada minggu lalu untuk menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan mereka kepada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Persekutuan Jerman Barat dan Duta Besar Istimewa dan Mutlak Republik Arab Mesir itu beribu pejabat di Kuala Lumpur.






Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Hj. Abd. Aziz Menteri Pelajaran dan Kesihatan dalam majlis ramah mesra PPN ketika menerangkan sesuatu di majlis tersebut.

## PPN SOKONG SISTEM DWIBAHASA

BERAKAS. — Persatuan Pendidik Nasional Brunei (PPN) dalam satu majlis perjumpaan pada penghujung bulan lepas dengan ahlinya serta beberapa orang tetamu undangan bertempat di dewan Kuliah Stadium Hassanal Bolkiah, Anggerek Desa, telah membincangkan beberapa soalan yang berhubung dengan sistem Pendidikan Dwibahasa (SPD) masalah dermasiswa dan masalah kekurangan tenaga pengajar dalam aliran Melayu khususnya di bidang sains. Hasil dari perbincangan yang diadakan pada hari itu beberapa rumusan telah dibuat oleh PPN berhubung dengan perkara tersebut.

PPN mengalu-alukan dan menyokong Sistem Pendidikan Dwibahasa dan berharap SPD akan berjaya sebagaimana yang dihasratkan oleh Kerajaan. PPN akan berusaha bersama-sama dengan pihak lain pada menjayakan dasar tersebut. Bagaimanapun, PPN sedar jika takdirnya dasar itu ternyata kurang berjaya maka tidak ada sebab mengapa ianya perlu diteruskan dan tidak diubah atau diubahsuai di masa akan datang.

PPN berpendapat sudah tiba masanya pihak berkenaan mempercepatkan penubuhan Universiti Kolej/Universiti dengan memulakan kursus-kursus yang mudah dilaksanakan mengikut kemampuan tempatan yang ada, memandangkan ketika ini sudah terdapat kursus-kursus bertaraf diploma diadakan di negara ini sekarang.

Dengan adanya universiti kolej/universiti ianya akan dapat menampung lebih ramai para pelajar tempatan yang berkelayakan dan berkemampuan untuk mendapat peluang bagi mengikuti kursus-kursus bertaraf ijazah yang sekali gus dapat mengatasi masalah tawaran tempat belajar di luar negeri yang terhad, menelan belanja yang tinggi dan menghadapi beberapa masalah lainnya.

Penubuhan Universiti Kolej/Universiti secara tidak langsung boleh menggalakan penulisan buku-buku teks untuk kegunaan murid-murid sekolah berhubung dengan alam sekitar negara ini yang dihasilkan oleh para mahasiswa-mahasiswi menerusi kajiselidik mereka mengenai masalah-masalah tempatan melalui penulisan tesis ataupun dissertasi. Mengenai dengan cadangan penubuhan universiti, perkara ini sebelumnya telah disentuh dalam ucapan alu-aluan yang disampaikan oleh Presiden Persatuan Pendidik Nasional, Awg. Abd. Ghani bin Bujang di majlis pada hari itu.

PPN berharap agar pihak yang berkenaan memberi peluang kepada wakil PPN menyertai pihak tersebut dalam perancangan pelajaran, penggubalan dasar-dasar pelajaran yang lainnya yang memerlukan kerjasama erat dan hubungan harmoni di antara pihak-pihak yang terlibat.

Sesuai dengan taraf Negara Brunei Darussalam sebagai sebuah negara merdeka penuh dan demokratik, masyarakat dan kaum guru yang telah terdedah kepada sistem pelajaran secara universal maka proses pentadbiran pendidikan dan fungsi-fungsi yang berkaitan dengannya hendakiah didemokrasikan seberapa luas yang boleh.

Kerja guru hendaklah diiktisaskan seberapa banyak yang boleh (supaya apabila disepadukan dengan usaha pembaikan yang lain) mutu pendidikan dan pencapaian akademik di negara ini akan terus menerus bertambah baik.

# LAWATAN MUHIBAH MENLU OMAN

BERAKAS. — Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Luar Oman, Tuan Yang Terutama Yousuf bin Alawi bin Abdullah dan rombongan telah berlepas pulang pada pagi Rabu lepas setelah mengadakan lawatan muhibah selama dua hari ke negara ini.

Mengucapkan selamat belayar di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah, Menteri Hal Ehwal Luar Negeri serta pegawai-pegawai dari Kementerian Hal-Ehwal Luar Negeri.

Semasa berada di sini Menteri Negara Bagi Hal-Ehwal Luar Oman telah mengadap ke hadapan majlis Kebawah D.Y.M.M. Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.

Tuan Yang Terutama juga mengadakan kunjungan kehormat kepada D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bertempat di pejabatnya di Bangunan Kementerian Hal Ehwal Luar Negeri di Jalan Subok.

Di sebelah malamnya Tuan Yang Terutama dan rombongan diraikan dalam satu majlis jamuan makan malam yang diberikan oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah bertempat di Dewan Persantapan di Istana Edinburgh. Berangkat sama ialah D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah. Antara yang hadir temasuk Menteri-Menteri Kabinet, Setiausaha-Setiausaha Tetap Kementerian, para diplomat asing dan pegawai-pegawai kanan Kerajaan. Majlis malam itu diserikan dengan persembahan kebudayaan dari penari-penari RTB.

Dalam lawatan yang singkat itu Tuan Yang Terutama dan rombongan juga dibawa melawat ke tempat-tempat yang menarik di sekitar ibu kota di antaranya Muzium di Kota Batu dan Masjid Omar Ali Saifuddin. MHM.



TUAN Yang Terutama Menteri Negara bagi Hal Ehwal Luar Oman, Tuan Yousuf bin Alawi bin Abdullah ketika mengadap ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam di Istana Nurul Iman.





TUAN Yang Terutama Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Luar Oman itu juga telah mengadakan kunjungan hormat kepada D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah di Pejabat Duli Yang Teramat Mulia itu (atas). Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar juga telah meraikan Tuan Yang Terutama dan rombongan dalam satu majlis jamuan makan malam di Dewan Persantapan Istana Edinburgh (gambar kanan).





TUAN Yang Terutama Menteri Negara bagi Hal-Ehwal Luar Oman, Tuan Yousuf bin Alawi bin Abdullah diiringi oleh D.Y.T.M. Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah sebelum mengucapkan selamat belayar kepada menteri tersebut dan rombongan di lapangan terbang antarabangsa Berakas (kiri).

Sementara gambar atas kelihatan Tuan Yang Terutama dan rombongan ketika melawat Masjid Omar Ali Saifuddin sambil mendengar penerangan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Y.B. Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain dan Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama Y.D.M. Pehin Tuan Imam Dato Seri Setia Awang Haji Yahya.

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS........

# ISLAM MENGGALAKKAN PEMBINAAN SURAU



## Siri ke-225

MENDIRIKAN sembahyang Fardu berjemaah adalah menjadi Fardu Kifayah ke atas orang-orang laki-laki yang mukallaf yang bermukim pada sesuatu tempat. Sekarang orang-orang Islam laki-laki yang bermukim banyak yang tiada mengambil hirau mendirikan sembahyang berjemaah yang wajib di atas mereka mendirikan jemaah dan yang wajib mengajak orang-orang berjemaah.

Juga wajib didirikan sebuah rumah atau diadakan suatu tempat bagi mendirikan sembahyang berjemaah fardu yang lima oleh orang-orang Islam laki-laki yang bermukim itu jika keramaian mereka mencapai kira-kira tiga puluh orang laki-laki Islam yang bermukim di situ.

Rumah tempat sembahyang berjemaah itu hendaklah bebas, maksudnya orang-orang yang datang untuk sembahyang berjemaah tiada mendapat gangguan dan tiada merasa segan datang di situ, oleh itu tempat berjemaah itu bukan rumah orang kerana jika rumah orang tiada kebebasan untuk memasuki rumah itu, melainkan jika rumah orang itu bebas dari segala gangguan.

Tiadalah memadai mendirikan sebuah masjid dalam sebuah negeri dengan tiada mendirikan tempat-tempat untuk sembahyang berjemaah jika sebuah negeri atau kawasan itu besar. Hendaklah didirikan tempat-tempat sembahyang berjemaah atau surau, beberapa tempat-tempat ibadat atau beberapa surau tiada memadai dengan hanya sebuah masjid atau sebuah surau.

Tegasnya dalam sebuah negeri itu terdapat masjid dan beberapa surau. Kita dapati sekarang orang-orang Islam mendirikan masjid-masjid tetapi lengah dan lalai dari mendirikan surau-surau atau tempat-tempat ibadat berjemaah di suatu tempat itu, mereka adalah berdosa tiada menjalankan Fardu Kifayah.

Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam yang mana hadisnya ini diriwayatkan oleh Al-Imam Abu Daud, An-Nasae dan ditasyhihkan oleh Al-Imam Ibn Hibban dan Al-Hakim, yang ertinya:

*" Tiga orang laki-laki berada dalam satu kampung atau dalam satu kawasan tanah lapang tiada mendirikan sembahyang fardu yang lima dengan berjemaah, mereka akan dikuasai dan ditawan oleh syaitan, maka wajiblah ke atas kamu yang berada di dalam kumpulan umat Islam yang sembahyang berjemaah ikut serta berjemaah kerana serigala akan makan kambing yang memencilkan diri dari kumpulan kambing-kambing itu."*

Begitulah bandingan orang Islam yang berada di satu kampung atau pada satu tanah lapang jika kiranya tiada mendirikan sembahyang berjemaah mereka akan dikuasai oleh syaitan dan ajen-ajen jahat, kumpulan subersif dan kumpulan samsing yang mengganas, mencuri, merompak, makan dadah, merogol, melacur, berjudi, berjoget dan berdansa, berkhalwat dan sebagainya sebab tiada berjemaah, tiada berhimpun, tiada mendengar nasihat dan tiada bertemu muka dengan penduduk-penduduk kampung itu, maka syaitan pun datang menghasut dengan fikiran-fikiran jahat, rencana-rencana liar, perbuatan ganas dan perkataan-perkataan anti ketenteraman, kelakuan di luar budi bahasa, dan di luar lunas-lunas Islam (dipetik dari Al-Tuhfah dan Al-Iqna).

Sikap orang-orang Islam mendirikan masjid-masjid yang cantik-cantik, tetapi tidak mengambil berat pada membangunkan surau-surau dan tempat-tempat ibadat di antara masjid-masjid yang letaknya berjauh-jauhan itu serupa dengan kelakuan orang-orang Kristian yang mendirikan gereja yang jaraknya berjauh-jauhan dengan tiada surau sebagaimana yang diperbuat oleh umat Islam. Jangan kita ikut kelakuan orang-orang yang dimurkai Allah seperti orang-orang yang disesatkan Allah sebagaimana dalam Al-Fatihah iaitu kelakuan orang-orang Yahudi dan Nasrani.

WALLAHUAKLAM

# SEMBAHYANG ASAS KEKUATAN IMAN

(Sambungan minggu lepas)

Memang tidak dapat sangkal dalam kehidupan ini kita berhadapan dengan berbagai-bagai persoalan yang tidak habis-habisnya sama ada masalah yang bersifat peribadi, umpamanya orang bujang sibuk mencari jodoh. Orang yang sudah berumahtangga sibuk pula dengan suami dan isteri serta anak-anak, sehinggalah masalah yang bersangkutan dengan kepentingan umum saperti masalah politik, ekonomi, pendidikan, keluarga, kesihatan, kesenian, kebudayaan dan sebagainya yang meliputi aspek kehidupan manusia. Persoalan-persoalan tersebut menyebabkan manusia selalu dalam kesibukan di mana sesungguhnya kesibukan itu hanya akan berakhir dengan datangnya kematian. Tetapi ingat kematian tidak mengertikan bahawa tanggungjawab kita sebagai manusia turut berakhir, babak baru akan bermula iaitu pertanggunganjawab terhadap amal perbuatan kita semasa di dunia di hadapan Allah Subhanahu Wataala. Allah telah menegaskan:

**"Sesungguhnya Aku telah menciptakan manusia berkeadaan sibuk."**

Dan dalam Surah At-Takasur dijelaskan:

**"Sesungguhnya kamu akan terus menerus berada dalam keadaan bermegah-megahan yang menyibukkan kamu sehingga kamu menziarahi kubur yakni mati."**

Dalam pada itu terdapat juga orang yang mengaku beriman kepada Allah, tidak sabar mendirikan sembahyang tetapi rajin mengerjakan puasa, mengeluarkan zakat dan naik haji; persoalannya bagaimana ibadat atau imannya akan menjadi kuat kalau tiangnya yakni sembahyang tidak didirikan? Dalam menghadapi keadaan ini Allah memperingatkan dengan Firman-Nya dalam Surah Al-Muddasir ayat 42-43 yang ertinya:

**"Apakah yang menyebabkan kamu terjerumus ke Neraka? Mereka menjawab: Kami tidak mengerjakan sembahyang."**

Akan semakin jelas kepada kita peranan sembahyang itu terhadap keimanan dan amal salih kita dengan memerhatikan Sabda Rasulullah Sallalahu alaihi wassalam yang maksudnya:

**"Sesungguhnya amalan yang mula-mula sekali diteliti dan diperiksa oleh Allah pada Hari Kiamat ialah sembahyang. Jika betul atau beres urusan sembayang baharulah dilihat amalan-amalannya yang lain tetapi jika amalan sembahyangnya tidak beres maka amalan-amalan yang lain akan dilihat atau dinilai."**

**Di Hari Kiamat, hari kita memperolehi hasil dari apa yang kita usahakan selama di dunia ini, kita tidak akan ditanya tentang puasa, tentang zakat, tentang haji, tentang perlaksanaan tanggungjawab, tentang ketaatan kepada suami oleh Allah Subhanahu Wataala sebelum soal siasat terhadap sembahyang disempurnakan. Jika ibadat sembahyang kita betul kita akan berjaya menepati syurga Tuhan yang disediakan bagi orang-orang yang sabar mendirikan sembahyang dan soal-siasat terhadap amalan-amalan yang lain akan lebih dipermudah, tetapi jika sembahyang tidak beres janganlah mengharapkan keampunan dari Allah dan syafaat dari Nabi.**

Selain itu sembahyang itu juga memberi kesan atau mempengaruhi kehidupan seorang yang beriman dari berbagai-bagai sudut umpamanya jika kita tinjau dari sudut ilmu kesihatan sembahyang itu membiasakan manusia mengambil berat terhadap kebersihan sama ada rumahtangga, badannya, pakaiannya, makanan dan minumannya bersih dari yang haram dan bernajis serta bersih jiwanya kerana sembahyang tidak boleh dilakukan dalam keadaan kotor sama ada kerana najis atau hadas. Islam menjadikan kebersihan itu sebagai salah satu cabang iman dengan Sabda Rasulullah.

**"Orang yang bersembahyang terdidik menjadi pembersih dan tidak pengotor yang suka membuang sampah, najis bukan pada tempatnya."**

Jika ditinjau dari sudut ekonomi, sembahyang itu membiasakan seorang berdisiplin menjaga waktu dan hidup teratur kerana orang yang bersembahyang itu sentiasa menjaga waktu-waktu bersembahyang dari fardu-fardu dan ini mendorong kepada dayakerja yang cekap dan berkesan serta menjamin peningkatan mutu produktiviti kerja yang baik. Selain dari itu dengan sembahyang Baginda dapat mendidik kita berperasaan tentang kemasyarakatan hidup bernegara dan bersopan santun serta menjalin perasaan silaturahim sesama manusia. Kerana itulah ibadat sembahyang itu amat ditekankan oleh Islam.

Begitu pentingnya ibadat sembahyang itu dalam menguatkan iman dan ugama kerana itulah perintah mewajibkan sembahyang itu dilakukan secara langsung oleh Allah kepada Nabi Muhammad Sallalahu Alaihi Wassalam dengan mengisrakmikrajkan Baginda kepada Allah tidak melalui perantaraan Malaikat Jibril Alaihissalam seperti perintah mewajibkan puasa, zakat, haji, dan sebagainya.



GAMBAR atas kelihatan Awg. Nazri bin Abdullah sedang bersalaman dengan Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah semasa melafazkan ikrar Islamnya. Sementara gambar bawah Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir sedang menerangkan sesuatu kepada Awang Abdul Fatah sebelum beliau melafazkan ikrar untuk menjadi seorang Islam. — Gambar JHEU.



## Dua lagi memeluk Islam

DUA orang lagi memeluk ugama Islam baru-baru ini di Jabatan Hal Ehwal Ugama di ibu negeri dalam majlis yang berasingan.

Seorang pemuda Kedazan dari Sabah, Albert Sin bin Upin, 20 tahun, melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Mahalle bin Haji Abdullah, Pemangku Penguasa Dakwah dan Tabligh di jabatan tersebut. Albert Sin kini dikenali sebagai Awang Nazri bin Abdullah.

Sementara itu Nuing anak Rimong, 27 tahun, berasal dari Sarawak telah melafazkan ikrar Islamnya di hadapan Awang Haji Abd. Rajid bin Haji Abd. Kadir, Pegawai Ugama, Bahagian Dakwah dan Tabligh. Beliau yang berbangsa Iban itu kini dikenali sebagai Abdul Fatah bin Abdullah.

## PEMBETULAN

DALAM tulisan Yang Dimuliakan Pehin Datu Seri Maharaja keluaran Pelita Brunei 2 Mei lepas muka surat 4 para pertama ruang ketiga terdapat sedikit kesilapan pada perkataan muhrim mua-bit. Perkataan tersebut sepatutnya hendaklah dibaca sebagai "Mahram Muabbad."

# MAKAN PUN ADA ADABNYA




Marilah kita sama-sama bertakwa dengan mengerjakan segala apa jua suruhan-Nya dan menjauhi segala apa jua larangan-Nya. Marilah kita mengelokkan segala perbuatan dan kelakuan kita dengan adab-adab Islam yang dituntut kita melakukannya.

Di antara pekerjaan manusia yang penting ialah makan minum. Masing-masing orang atau kaum atau bangsa ada dengan adab-adab mereka yang tersendiri dalam perkara makan ini. Tetapi adab Islam mengatasi segala adab apa sahaja. Adab Islam tidak sahaja sekadar memerhati perkara-perkara zahir, seperti bersih pinggan mangkuk, elok susunan safrah dan kerusi meja tetapi adab Islam mencapai hingga ke akar umbi rahsia dan hikmat yang sempurna.

### ADAB MAKAN MINUM

Di antara adab Islam yang indah di dalam perkara makan minum ini ialah memulakannya dengan membaca Bismillahir Rahmanir Rahim. Kita orang-orang Islam tidak boleh terus-terus teguk atau terus-terus polok dengan tidak membaca Bismillah terlebih dahulu. Perbuatan begini bukan kelakuan orang Islam. Orang Islam sejati mesti melakukannya dengan nama Allah sebagai mengingati nikmat-Nya dan doa sebagaimana hadis Nabi Salallahu Alaihi Wasallam

**"Adapun rahsia dari membaca Bismillahir Rahmanir Rahim atau Bismillah sahaja seperti dalam hadis ini ialah supaya terhalang syaitan daripada makan bersama-sama dalam makanan yang kita makan itu. Kalau kita terlupa di awal makan membacanya maka bacalah seperti di atas pada bila-bila masa sahaja kita teringat, pada pertengahan atau pada akhirnya supaya muntah syaitan-syaitan itu"**

daripada Aishah Radhiallah Anha riwayat Ahmad, Abu Daud dan At-Tarmizi. Bersabda Rasulullahu Salallahu Alaihi Wasallam yang ertinya:

**"Jika makan seorang kamu makanan, maka hendaklah ia ucapkan Bismillah, dan jika terlupa pada awalnya, maka ucapkanlah: Bismillahi 'ala awwalihi wa akhirih atau boleh juga dibaca Bismillahi awwalahu wa akhirihu."** Semua itu adalah wirid daripada Nabi Salallahu Alaihi Wassalam.

### RAHSIA BISMILLAH

Adapun rahasia dari membaca Bismillahir Rahmanir Rahim atau Bismillah sahaja seperti dalam hadis ini ialah supaya terhalang syaitan daripada makan bersama-sama dalam makanan yang kita makan itu. Kalau kita terlupa di awal makan membacanya maka bacalah seperti di atas pada bila-bila masa sahaja kita teringat, pada pertengahan atau pada ahkirnya supaya muntah syaitan-syaitan itu.

Adab yang sedang kita terangkan ini tidak sukar dibuat, sangat mudah lidah menyebutnya. Hanya kadang-kadang orang lupa ataupun oleh kerana tidak tahu rahsianya maka orang tidak mahu membuatnya, mengabaikan membacanya. Kerana itu di dalam kesempatan ini kita serukan kepada orang-orang Islam supaya jangan lalai dan jangan lupa dari membasahkan lidah kita dengan menyebut Bismillahir Rahmanir Rahim di dalam apa jua jenis pekerjaan kita yang berkebajikan sama ada pekerjaan itu besar ataupun kecil kerana dengan berbuat yang demikian itu bermakna kita telah beramal dengan perjalanan hidup Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam sambil memperolehi keberkatan daripadanya. Mudah-mudahan berkat Bismillah, berkat nama Allah di mulut-mulut kita, semua pekerjaan kita, kecil atau besar mendapat hasil yang manis dan lazat. Sesungguhnya apa-apa jua yang juga dianjurkan oleh Islam itu tidak boleh tidak ada hikmat dan rahsianya yang indah dan bermanfaat.

# MENGUMPAT HAPUSKAN PAHALA

## *Menuju keredaan Allah*

PERKARA yang penting kita takuti dalam kehidupan ini ialah jika amal ibadat kita tidak diterima oleh Allah Subhanahu Wataala. Sebagai hamba, kita sememangnya dicipta untuk menyembah dan beribadat kepada-Nya, kerana itu tentulah kita mengharapkan setiap ibadat kita akan diberi ganjaran pahala dan kebaikan oleh Allah. Kita menginginkan ibadat kita sama ada yang berbentuk sunat apatah lagi yang wajib dimasukkan ke dalam buku kira-kira kita. Sembahyang, puasa, zakat, sedekah, haji, wirid, zikir, tahajjud, bacaan Al-Quran kita diberi pahala yang berganda oleh Allah.

Malangnya tanpa kita sedari, pahala yang kita inginkan diperolehi dari amal ibadat yang kita kerjakan sepanjang kehidupan itu menjadi debu dan hapus tiada berbekas kerana kecacatan akhlak kita yang timbul akibat dari lidah. Bencana lidah seperti mengumpat boleh menyirit kita ke Neraka Jahanam. Perhatikan maksud sebuah hadis Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam mengenai hal ini yang diriwayatkan oleh Al-Bukhari dan Muslim:

*"Abu Hurairah radiallahu an pernah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wasallam bersabda: Sesungguhnya ada kalanya seorang hamba itu berkata sepatah yang kerana tidak diperhati dan diteliti tiba-tiba ia tergelincir ke dalam Neraka kerananya."*

Sehubungan dengan ini seorang sahabat telah menemui Rasulullah menanyakan tentang kedudukan seorang wanita yang dikenalinya, katanya: *"Ya Rasulullah, saya kenal seorang perempuan yang kuat beribadat, siang berpuasa dan malam bertahajjud tetapi terdapat sedikit kecacatan pada dirinya iaitu ia suka menyakiti hati jirannya dengan lidahnya. Bagaimana kedudukan wanita itu di sisi Allah wahai Rasulullah?"*

Rasulullah menjelaskan, *"Tidak ada kebaikan lagi pada ibadatnya, bahkan ia adalah ahli Neraka."*

Lihatlah betapa mengumpat tidak pernah mendatangkan kebaikan pada diri kita malah menimbulkan kerugian yang paling besar kerana kehilangan pahala-pahala dari amal ibadat yang kita lakukan. Tidak ada pahala yang diperoleh dari puasa dan menyekang mata kerana bersembahyang tahajjud tatkala orang lain tidur dengan nyenyak. Mengumpat boleh melalaikan kita dari menyempurnakan tugas-tugas wajib sama ada terhadap rumahtangga atau kerja-kerja di pejabat.

Kita sesungguhnya sentiasa menyedari akibat buruk daripada mengumpat tetapi kita telah terdorong melakukannya kerana ia amat sukar untuk dielakkan kecuali oleh orang yang benar-benar takut kepada siksaan api neraka.

Untuk mengelakkan diri dari tercebur melakukan dosa kerana mengumpat kita fahami maksud hadis Rasulullah yang bermaksud:

*"Nabi bertanya kepada sahabat Baginda: Tahukah kamu apakah itu Ghibah? Jawab mereka: Allah dan Rasul-Nya lebih mengetahui. Sabda Nabi Salallahu Alaihi Wasallam Ghibah itu ialah jika kamu menyebut membicarakan hal keadaan saudaramu yang ia tidak menyukainya disebut-sebut kepada orang lain, itulah Ghibah. Mereka bertanya: Bagaimana kalau apa yang dikatakan itu betul berlaku atau dimilikinya? Jawab Nabi: Jika yang kau sebut itu benar sedemikian ada padanya, itulah Ghibah, jika tidak betul itu namanya kamu memandai-mandai mengada-ngadakannya atau memfitnahkannya."*

Siti Aishah radiallahu anhu pernah ditegur oleh Nabi kerana ketelanjurannya:

*"Diceritakan ada seorang wanita pendek datang mengadap Nabi, ketika wanita itu keluar, Siti Aishah berkata: Alangkah pendeknya orang itu! Nabi Muhammad Salallahu Alaihi Wasallam bersabda: Engkau mengumpatnya. Siti Aishah mempertahankan dirinya: Saya tidak mengumpat hanya menyatakan yang benar. Sabda Nabi: Engkau telah menyebut suatu sifat yang paling buruk padanya."*

Allah Subhanahu Wataala melarang keras perbuatan ini kerana ia boleh membangkitkan persengketaan dan membunuh perasaan saling kasih mengasihi. Firman Allah dalam ayat 12 Surah Al-Hujurat bermaksud:

*"Dan janganlah setengah kamu mengumpat setengah yang lain. Adakah seorang di antara kamu yang suka makan daging saudaranya yang telah mati? Tentulah kamu sekalian benci memakannya. Bertakwalah kepada Allah sesungguhnya Allah Maha Pengampun Maha Penyayang."*

Kita lihat betapa kejinya sifat mengumpat itu sehingga Allah menyamakannya dengan perbuatan paling zalim dan hina iaitu memakan daging saudara kita yang telah meninggal. Mengumpat itu boleh menimbulkan selisih faham di kalangan kita, pertelingkahan yang menghapuskan perasaan muhibah silaturahim, kerjasama dan perpaduan dalam masyarakat dan paling parah menghapuskan ganjaran pahala terhadap amal salih kita.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 9 Mei, 1984 hingga ke hari Selasa 15 Mei, 1984 adalah seperti di bawah ini : —

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 9–10 | 12.23 | 3.37 | 3.38 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 4.52 | 4.39 | 4.53 | 6.05 | 6.06 |
| 11–15 | 12.23 | 3.38 | 3.39 | 6.30 | 6.31 | 7.42 | 7.43 | 4.51 | 4.38 | 4.52 | 6.05 | 6.06 |

Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.



YANG Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain sedang menyampaikan hadiah kepada johan di pertandingan itu, Awang Ibrahim bin Haji Mohamad.

## Sambutan Israk Mikraj terus diadakan

BANDAR SERI BEGAWAN. Sambutan Israk dan Mikraj masih terus diadakan di sana sini, walaupun peristiwa itu kita sambut sejak 27 April yang baru lalu. Dari sambutan peringkat negara melarat ke jabatan-jabatan Kerajaan, persatuan-persatuan belia dan kebajikan dan penduduk-penduduk kampung.

Antara yang mengadakan sambutan tersebut minggu lepas ialah Kementerian Pelajaran dan Kesihatan yang berlangsung di Dewan Jururawat, Rumah Sakit Raja Isteri Anak Saleha. Satu syarahan khas telah disampaikan oleh Dr. Shamsiah Sham dari Indonesia.

Juga mengadakan sambutan yang sama ialah Syarikat Kerjasama Peladang Bersaudara dan penduduk Kampong Bengkurong, Sianrubai dan Nurong Lepas. Seorang penceramah dari Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan syarahan khas di majlis itu.



AWG. Emran bin Hj. Hashim.



AWG. Lamat bin Hj. Ismail.



DYG. Norhayati bte Dato Paduka Haji Nordin.



DYG. Sahara bte Julay.



DYG. Zaiton bte Abang.

## 7 anggota PPDB naik pangkat

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah memperkenankan kenaikan pangkat tujuh orang anggota pangkat rendah Pasukan Polis Diraja Brunei menjadi Inspektor Percubaan.

Mereka ialah SM 213 Idris bin Mohammad, SM 490 Mahmud bin Mohd Daud, SM 493 Khamis bin Abdullah, S/Sgt 634 Md Zaidi bin Damit, S/Sgt 581 Md Hassan bin Md Yusof, S/Sgt 531 Abd Ghani bin Sh.Abdullah dan Sgt 11 Mastor bin Sundai.

Lantikan ketujuh-tujuh orang Inspektor Percubaan itu bermula dari 1 Mei, 1984.

Sementara itu seramai 12 orang Inspektor Percubaan telah ditetapkan ke pangkat Inspektor mulai 1 Januari, 1984.

Mereka ialah PI Hasnani bin Hassan, PI Azahari bin Haji Awg. Besar, PI Mat Emran bin Bungsu, PI Ahmad Rafie bin Md Yusof, PI Mohd bin Metussin, PI Md Faisal Al Sufri bin Adnin, PI Md Zamri bin Haji Hamdani, PI Ak Mohd Roslin bin Pg Bakar, PI Md Zamhari bin Haji Md Rakawi, PI Roslan bin Haji Sulaihi, PI Mohd Don bin Harith dan PI Jimmy bin Sipiang.

## RALAT

PARAGRAF empat yang akhir rencana di muka surat tujuh keluaran minggu lepas hendaklah dibaca:

Ianya menyediakan petak jualan ikan sebanyak 12 unit; lima unit petak jualan daging; 4 unit jualan daging ayam, enam unit jualan sayur-sayuran; lima unit bagi petak buah-buahan; dua petak jualan barang-barang runcit; dua petak jualan kari dan dua unit petak jualan kelapa.

## Tayangan filem Muzium

BAHAGIAN Perkhidmatan Pelajaran Muzium Brunei akan menayangkan filem FOUR DAYS IN AUGUST yang mengisahkan kejadian ribut taufan yang sering melanda kepulauan Hong Kong, pada 10, 12 dan 13 Mei, 1984 jam 10 pagi dan 2.30 petang.

# AWANG IBRAHIM JOHAN QARI KASTAM

BANDAR SERI BEGAWAN. — Awang Ibrahim bin Haji Mohamad dari Kastam Pelabuhan Muara telah berjaya menjadi johan untuk kali keempat berturut-turut dalam Pertandingan Pemilihan Qari Bagi Mewakili Jabatan Kastam dan Eksais Diraja ke Pertandingan Membaca Al-Quran Antara Jabatan-Jabatan Kerajaan Beruniform yang diadakan di Bilik Persidangan jabatan itu pada malam Jumaat lepas.

Naib Johan telah dimenangi oleh Awang Abas bin Haji Amit dari Kastam Ibu Pejabat dan tempat ketiga pula disandang oleh Awang Hassan bin Bakar dari Kastam Kuala Belait.

Tetamu kehormat di majlis itu, Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Diraja Dato Seri Utama Awang Haji Mohd Zain bin Haji Serudin, Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan hadiah-hadiah kepada para pemenang.

Majlis itu telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Pengerusi Majlis, Awang Metassan bin Momin, Pemangku Timbalan Pengawal Kastam dan diikuti dengan ucapan oleh tetamu kehormat malam itu.

Sebanyak lima orang qari telah menyertai pertandingan peringkat akhir tersebut.

Majlis malam itu telah juga diserikan dengan persembahan nasyid oleh pegawai-pegawai Kastam Kuala Belait.

Di antara tetamu yang hadir ialah Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, Yang Amat Mulia Pengiran Laila Cheteria Sahibon Najabah Pengiran Anak Haji Abdul Aziz bin Pengiran Jaya Negara Pengiran Haji Abu Bakar; Yang Dimuliakan Pehin Siraja Khatib Dato Seri Setia Awang Haji Mohd Tamin bin Abd Hamid dan lain-lain jemputan-jemputan khas — AKAB.



PASUKAN Nasyid Maktab Perguruan Ugama Seri Begawan (atas) yang menjuarai Pertandingan Nasyid peringkat Kebangsaan sempena sambutan Israk dan Mikraj tahun ini yang diadakan pada 27 April yang lalu. Pasukan tersebut diketuai oleh Awang Haji Metassim bin Haji Metussin. Manakala gambar bawah ialah Pasukan Kumpulan Al-Wardah Sekolah Ugama (Arab) Menengah Perempuan Raja Isteri Pengiran Anak Damit ialah Johan bahagian perempuan yang diketuai oleh Dayang Mahyana binte Haji Yahya.



## Lima kakitangan Pos berkursus di Kuala Lumpur

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lima orang kakitangan Jabatan Perkhidmatan Pos kini berada di Kuala Lumpur untuk mengikuti kursus di Institut Latihan Pos.

Awang Emran bin Haji Hashim, Penguasa Pos dan Awang Lamat bin Haji Ismail, Penolong Penguasa Pos mengikuti Kursus Ketua Pos dan Penyelia. Mereka mengikuti kursus tersebut selama dua minggu dan setelah itu mereka akan menjalani penempatan di pejabat-pejabat pos Kuala Lumpur selama dua minggu.

Manakala tiga orang Kerani Tingkatan III, Dayang Norhayati bte Dato Paduka Haji Nordin, Dayang Sahara bte Julay dan Dayang Zaiton bte Abang Omarzuki mengikuti Kursus Kerani Kaunter.

Mereka mengikuti kursus tersebut selama empat minggu dan ini diikuti dengan kursus penempatan selama dua minggu di Pejabat-Pejabat Pos di Kuala Lumpur.

Kelima-lima mereka dijadualkan pulang awal bulan Jun depan.

## Ramah mesra PPNB

BERAKAS. — Persatuan Pendidik Nasional Brunei (PPNB) pada hari Ahad lepas telah mengadakan Majlis Ramah Mesra bertempat di Dewan Kuliah, di Stadium Negara Hassanal Bolkiah di sini.

Tetamu kehormat di majlis itu ialah Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awg. Hj. Abd. Aziz, Menteri Pelajaran dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam.

Majlis telah dimulakan dengan ucapan alu-aluan dari Presiden Persatuan Pendidik Nasional, Awg Abd. Ghani bin Bujang. Kemudiannya ramah mesra bersama Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan dimulakan dengan perbincangan tidak formal mengenai soal-soal falsafah, dasar dan sistem pelajaran yang dijalankan sebelum dan selepas kemerdekaan.

Seterusnya, kira-kira lima puluh orang ahli-ahli PPNB yang hadir pada hari tersebut telah menyampaikan bacaan Ikrar PPNB kepada Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan.

Majlis ramah mesra itu juga diselajurkan dengan Majlis dailog mengenai dengan tajuk Penubuhan Universiti Kolej dan peluang-peluang kenaikan dalam perkhidmatan pelajaran. — ZHS.

# sudut Royal Brunei سودوت



PELATIH-PELATIH Diraja Brunei di Christchurch telah mengadakan satu majlis sambutan Hari Kebangsaan di Canterbury Chinese Culture Hall pada 24 Februari 1984. Para tetamu adalah bekas pelatih jurutera RBA, keluarga-keluarga para pelatih, sahabat handai dan para jurulatih dari Air New Zealand dan Training School.

Majlis itu dimulakan dengan ucapan alu-aluan oleh Awang Musa Mahadi bagi pihak semua pelatih dan ini disusuli dengan doa selamat.

Majlis tersebut diserikan dengan pertunjukan bersilat yang dipersembahkan oleh para pelatih.

Gambar menunjukkan para pelatih dengan keluarga mereka yang kini menjalani beberapa kursus dalam bidang kejuruteraan.

## Anak tempatan memegang jawatan Ketua Pramugari

DAYANG Zainun binte Haji Elias adalah anak tempatan Brunei yang sekarang ini menjawat jawatan sebagai Ketua Pramugari di Syarikat Penerbangan Diraja Brunei. Beliau bertanggungjawab ke atas hal-ehwal semua kakitangan kabin seramai 60 orang. Sebelum ini beliau juga pernah bertugas di sebuah bank.



DAYANG Zainun, anak tempatan yang pertama memegang jawatan Ketua Pramugari.

Mendapat pendidikan di Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin, Kuala Belait dan St Andrew's dan seterusnya melanjutkan pelajaran menengah ke Maktab Omar Ali Saifuddien (SOAS) Bandar Seri Begawan Brunei.

Dayang Zainun mula berkhidmat sebagai pramugari biasa pada 1 Mac 1975. Tugas beliau ketika itu termasuklah kerja-kerja mengendalikan layanan makanan dan minuman, dan juga memastikan keselamatan serta keselesaan para penumpang sewaktu dalam penerbangan.

Dayang Zainun pernah menjalani latihan asas di Syarikat Penerbangan Antarabangsa Singapura (SIA) / Cathay Pacific Hong Kong. Beliau juga pernah menjelajahi ke beberapa buah negara seperti Eropah, Australia, Timur Jauh dan Tenggara Asia.

Kepada mereka yang meminati bidang pekerjaan seumpama ini, Dayang Zainun menasihatkan adalah perlu seseorang itu mempunyai sikap dan budi bahasa yang baik, bersopan santun, mesra dalam menjalankan tugas disertai dengan senyum.

Dengan adanya perkhidmatan penerbangan Diraja Brunei ini, kita dapatlah berbangga kerana dapat memperkenalkan keupayaan dan kemesraan kita ke seluruh dunia, tambah beliau.

## JADUAL PENERBANGAN BARU DIRAJA BRUNEI KE SINGAPURA

SYARIKAT Penerbangan Diraja Brunei telah mengumumkan pertukaran penerbangan harian dari Singapura ke Brunei iaitu dari pukul 10.40 pagi kepada 12.00 tengah hari bermula 1 April 1984.

Pengurus Perdagangan RBA, Pengiran Ali bin Pengiran Haji Ahmad menjelaskan bahawa dengan adanya penerbangan 12.00 tengah hari bertolak ke Brunei para penumpang akan dapat menghabiskan masa mereka untuk membeli belah atau menguruskan hal-hal pejabat mereka pada sebelah paginya.

Beliau juga percaya bahawa penerbangan 12.00 tengah hari adalah masa yang paling sesuai bagi penumpang-penumpang Diraja Brunei untuk menikmati sajian tengah hari, semasa di dalam penerbangan. Perkhidmatan Diraja Brunei juga bertambah baik, ujar beliau dengan adanya tambahan penerbangan dari Singapura ke Brunei ini.

Manakala penerbangan dari Brunei ke Singapura tidaklah berubah iaitu pada 8.00 pagi. Penerbangan pukul 6.00 petang di Brunei ke Singapura tidak berubah. Ini untuk membolehkan mereka bertolak ke Singapura, sebaik saja habis waktu bekerja pada pukul 5.00 petang ini. Ini bermakna penumpang yang mendarat di lapangan terbang Antarabangsa, Changi, Singapura masih sempat menyambung penerbangan mereka ke London atau Eropah melalui Penerbangan Qantas, SIA, British Airways atau lain-lain pesawat penerbangan ke Australia. Manakala penerbangan balik di sebelah malam jam 8.40 ditukar kepada 9.10 malam. Ini bererti banyak penerbangan dapat disambung ke Brunei seperti penerbangan British Airways.

Perkhidmatan ke Hong-Kong sebelum bulan April telah di tetapkan masa penerbangannya pada tiap-tiap hari Khamis dan Ahad pada jam 1.30 tengah hari dan sampai di Hong Kong jam 4.30 petang, dan bertolak jam 5.25 petang sampai di Brunei pada jam 8.15 malam.

Bermula pada 1 April 1984 jadual penerbangan pada hari Khamis diawalkan pada pukul 8.20 pagi dan tiba di Hong Kong pada jam 11.20 pagi sementara jadual penerbangan pada hari Ahad tidak berubah.

Untuk mendapatkan jadual penerbangan RBA, silalah menghubungi wakil-wakil penjualan RBA ataupun di pejabat penempahan tiket RBA di Jalan Pemanca.



SERAMAI 30 orang ahli-ahli Science Society dari STPRI, Brunei telah mengadakan lawatan sambil belajar ke pejabat besar RBA di Hangar yang lalu di lapangan Terbang Antarabangsa Brunei pada 23 April 1984.

Rombongan ini telah dibawa melihat-lihat di bahagian kewangan dan komputer serta juga ke atas sebuah pesawat RBA oleh Pegawai Hal-Ehwal Awam, Dayang Marina Abdullah (gambar atas).

## Pertandingan Nyanyian Puisi

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka akan menganjurkan Pertandingan Nyanyian Puisi sebagai salah satu kegiatan Bahagian Pembinaan dan Pengembangan Sastera.

Pertandingan yang julung-julung kalinya dianjurkan oleh jabatan itu adalah terbuka kepada persatuan-persatuan, badan-badan aktiviti sekolah, maktab dan badan kebajikan jabatan atau swasta.

Setiap penyertaan hanya dibenarkan menghantar satu kumpulan lima orang yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

Puisi yang akan dilagukan hendaklah dipilih dari puisi yang dimuatkan di dalam antologi 'Pakatan Lagu Hari Depan, Hari Ini dan Esuk'.

Lagu untuk puisi tersebut hendaklah dari melodi yang dicipta sendiri dan bukan tiruan atau penyesuaian daripada lagu yang sudah ada dan tiap-tiap peserta hanya dibenarkan membawa dua buah nyanyian puisi saja.

Kumpulan peserta boleh menggunakan apa juga alat muzik sederhana yang disediakan sendiri.

Pertandingan ini akan dijalankan dalam dua peringkat iaitu peringkat awal dan peringkat akhir. Peringkat pemilihan akan diadakan di daerah-daerah bagi menentukan kumpulan puisi ke peringkat akhir. Sementara pertandingan peringkat akhir akan diadakan dalam bulan Julai.

Jabatan Dewan Bahasa dan Pustaka menyediakan tiga hadiah penghormatan kepada orang peseorangan atau kumpulan yang terbaik. Pemenang pertama akan menerima hadiah wang tunai sebanyak $1,000.00, pemenang kedua $750.00 dan pemenang ketiga sebanyak $500.00.

Tiga hadiah penghargaan sebanyak $150.00 tiap-tiap satu juga disediakan untuk orang peseorangan dan kumpulan yang mempunyai harapan baik.

Semua permohonan untuk menyertai pertandingan ini hendaklah dibuat melalui borang yang disediakan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka.

Borang-borang permohonan hendaklah dikembalikan kepada Setiausaha Pertandingan Nyanyian Puisi, Dewan Bahasa dan Pustaka Bandar Seri Begawan tidak lewat daripada 31 Mei, 1984.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak dari 9 Mei hingga 15 Mei 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Limau Manis | 9.5.1984 | Rabu | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Pengkalan Batu | 9.5.1984 | Rabu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Masin | 9.5.1984 | Rabu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Melayu Jerudong | 12.5.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Pusat Tahanan Jerudong | 12.5.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Sengkurong | 12.5.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 T/Hari |
| Sekolah Ugama Sengkurong | 12.5.1984 | Sabtu | 2.30 - 3.00 petang |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Setia Bakti Kilanas | 12.5.1984 | Sabtu | 3.15– 4.15 ,, |
| Sekolah Melayu Bendahara Sakam Bunut | 12.5.1984 | Sabtu | 4.30– 5.30 ,, |
| Di hadapan Rumah Penghulu Mukim Serasa | 13.5.1984 | Ahad | 9.00–10.00 pagi |
| Kawasan Rumah Ketua Kampong Masjid Lama, Muara | 13.5.1984 | Ahad | 10.15–11.15 ,, |
| Di hadapan Kedai Pekan Muara | 13.5.1984 | Ahad | 11.30–12.00 T/Hari |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Rendah) | 14.5.1984 | Isnin | 2.00– 3.00 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Perpindahan Berakas, | 14.5.1984 | Isnin | 3.30– 4.30 ,, |
| Sekolah Melayu Orang Kaya Besar Imas, Subok | 15.5.1984 | Selasa | 8.30– 9.30 pagi |
| Sekolah Melayu Datu Mahawangsa, Lambak | 15.5.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |

RTB **Intisari minggu ini**

# Radio Minggu Ini:
# Ramai bertanya bagaimana menulis drama radio

Oleh: Matussin Haji Md. Tahir

SEJAK tujuh belas tahun yang lalu saya menceburkan diri dalam bidang penulisan drama radio. Setentunya dalam jangka itu ramai pula orang yang bertanyakan, bagaimana cara-cara menulis drama radio? Bagaimana pula membuat penilaian bagi sesebuah drama radio yang dikatakan baik itu.

Saya rasa pertanyaan seperti itu tentu banyak pemikkannya kepada saya, sebab rata-rata yang bertanya itu adalah dari penulis-penulis muda tanahair. Mereka nampak bersemangat, mereka nampak berminat benar untuk meningkatkan mutu penulisan masing-masing, dan tidak kurang pula ada bakat-bakat baru yang ingin menceburkan diri dalam bidang penulisan drama radio ini.

Apa yang kerap menjadi kemuskilan kepada mereka ialah bagaimana mahu menjadikan seseorang itu benar-benar menjadi seorang penulis ?

Tentu para awda terfikir, kalaulah saya ingin menjadikan diri saya sebagai penulis drama radio yang terbaik, maka sudah setentunya di sepanjang ke arah penulisan ini akan sering saya dapatkan di mana sahaja tersuanya. Walaupun tidak secara formal belajar menulis, maka setidak-tidaknya pendekatan diri dengan penulis-penulis veteran adalah perlu.

Sebab untuk menjadikan seseorang itu sebagai penulis ikut-ikutan sahaja memang mudah, kerana dengan apa pun perkara yang kita tulis, maka orang itu boleh kita katakan penulis. Soalnya apakah tulisan itu untuk sendiri atau buat tatapan masyarakat atau sebaliknya. Walhal mutu penulisan itu tidak difikirkan atau dengan kata lain tidak mahu dipertingkatkan dengan berdasarkan pada suasana masa dan tempatnya.

Kalaupun kita buatkan penilaian atau perbandingan dengan angkatan Sasterawan 50an di Singapura sudah barang tentu mereka mempunyai konsep penilaian Seni Untuk Masyarakat. Apa pula yang kita pakai di sini? Adakah konsep itu serupa juga, dan jika kita fikirkan kembali, apakah sesuai prinsip itu atau bagaimana ?

Nah sekarang penulisan drama radio amat perlu kita tilik kembali, siapa yang harus menyumbangkannya, kalau bukan dari peribumi tanahair sendiri yang lebih memaklumi akan pahit-manisnya, masin tawarnya akan peristiwa keliling. Itu pun jika kita mahu yang radio kita itu benar-benar memberikan tenaganya dalam konsep hidup bermasyarakat dengan melalui drama radio.

Biarpun drama radio itu merupakan sebahagian kecilnya sahaja yang saya rasa boleh mengamit hati dan perasaan, menggambarkan peri hidup masyarakat melalui imigin penulis atau perkara yang realiti.

Untuk mencapai ke arah matlamat ini dan mendukung cita-cita penulis tanah air. Tidak ada jalan lain yang harus kita ungkayahkan melainkan dengan menggali dan mencungkil dengan sedalam-dalamnya dengan apa jua yang terfikir untuk ditulis bagi tatapan masyarakat seluruhnya, dan jangan lupa setiap hasil pena yang ditulis itu biarlah bersesuaian dengan penyaluran media radio sebagai lidah Kerajaan.

## Sandiwara radio:
# Hati-hati Yang Retak

MANUSIA memang boleh berpura-pura dari segi lahiriah, tapi sampai bila kepura-puraan itu akan berlarutan? Inilah serba sedikit gambaran kisah yang dirangkaikan dalam sandiwara radio minggu ini yang berjudul HATI-HATI YANG RETAK tulisan Abdul, Brunei.

Aini yang berkahwin dengan Zaidi kerana beranggapan ia telah terpaksa, tidak dapat memberikan perhatian dan melayan suaminya seperti yang sewajarnya. Walaupun sudah selama tujuh tahun mereka hidup bersama, namun persefahaman masih belum wujud dalam rumahtangga mereka. Lebih-lebih lagi Aini sudah menjadi seorang yang cacat setelah menemui kemalangan jalan raya.

Kesabaran Zaidi tidak mendapat balasan dari Aini. Kehidupan mereka menjadi semakin buruk lagi bila Anuar, teman karib Zaidi ketika menuntut di London dulu pulang ke tanahair, dan kebetulan pula bekas kekasih Aini yang selama ini dinanti-nantikannya.

Sejak bertemu semula dengan Anuar, sikap Aini yang selalunya muram tiba-tiba berubah menjadi seorang yang periang. Dalam diam-diam ia masih mengharapkan akan kasih sayang Anuar terhadapnya seperti yang telah lalu.

Anuar yang menghormati temannya Zaidi, setentunya tidak akan sampai hati untuk melakukan permintaan Aini itu. Sebaliknya ia seboleh-bolehnya ingin merahsiakan hubungannya yang telah lalu bersama Aini dari pengetahuan Zaidi.

Walaupun Anuar cuba menyembunyikannya, akhirnya Zaidi mengetahui juga duduk perkara yang sebenar. Tapi dengan sikapnya yang sabar, Zaidi tidak mahu mengambil keputusan yang mendadak.

Mungkin kerana telalu memendam rasa, Zaidi akhirnya jatuh sakit dan menghidap penyakit yang teruk. Apakah penyakit yang dihadapi oleh Zaidi itu? Apa pula kecacatan yang ditanggung oleh Aini selama ini? Bagaimana pula keadaan rumahtangga mereka? Untuk mengetahui lanjutan dan kesudahan cerita ini, para pendengar adalah dipersilakan untuk mengikuti siarannya pada 13 Mei, 1984 jam 10.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.



## Dendang Remaja

DUA orang lagi penyanyi remaja akan menjayakan Dendang Remaja dalam keluarannya yang ke-19 yang akan ke udara minggu ini.

Awang Zafri bin Awang Salleh dari Daerah Brunei-Muara dan Dayang Mardiana bte Mardi dari Daerah Belait akan membawakan beberapa buah lagu dalam rancangan yang ke udara pada hari Jumaat 11 Mei, 1984 jam 5.00 petang.

Rancangan ini akan diulang siarannya pada hari Ahad 13 Mei jam 11.00 pagi.

# PERSEMBAHAN AMAL 84

"PERSEMBAHAN AMAL HARI RAYA AIDILFITRI '84" bagi anak-anak yatim dan orang-orang cacat anjuran Bengkel Kuntum Bersemi, Radio Televisyen Brunei.

Bersempena dengan persembahan Amal ini, satu pertunjukan dan kutipan wang bagi tabung anak yatim dan orang-orang cacat akan dijalankan. Berdermalah sekadar rela hati kepada tabung kebajikan ini! Berhubunglah dengan.

Pengerusi
Persembahan Amal Hari Raya Aidilfitri '84
Radio Televisyen Brunei Tel.: 23111 atau
P. O. Box 6000
Bandar Seri Begawan
Negara Brunei Darussalam.



MINGGU ini tetamu radio akan memuatkan temubual Helen Thu dengan saudara Sofiah Shah, ketua The Papas Group dari Jakarta Selatan yang akan dapat diikuti pada hari Ahad jam 5.00 petang, (gambar atas) sementara gambar kanan kelihatan Dayang Salmah bte Haji Abdul Rahman menemubual Dayang Ny Nicke Suharyanto dalam Rancangan Rampaisari. Rancangan ini akan ke udara pada 12 Mei.





RANCANGAN Dari Pendengar Untuk Pendengar minggu ini menghidangkan lagu-lagu pilihan dari Dayang Rosnah bte Ismail di alamat Pejabat Kewangan Negara Brunei Darussalam.

Lagu-lagu pilihan Dayang Rosnah akan disiarkan pada hari Selasa 15 Mei jam 4.00 petang.

## Resipi minggu ini :
# Sambal Goreng Bali

**Bahan-bahannya :**

$\frac{1}{2}$ kati daging
$\frac{1}{2}$ kati hati daging
$\frac{1}{4}$ kati udang basah
4 tahil lada merah
5 batang serai
1 inci lengkuas
1 inci halia
sebesar ibu jari belacan
15 ekor udang kering
8 ulas bawang putih
10 batang lada kering
1 gelas kecil kicap
$\frac{3}{4}$ botol tomato sos
1 gelas kecil air asam jawa
garam, perasa ikut rasa.
20 biji bawang merah
1 cawan kacang jagus.

**Peraturannya :**

Udang dibuang kulit dan kepala, cuci dan toskan. Daging dan hati potong kecil-kecil dan bersihkan. Belacan, udang kering, bawang putih, halia, lada kering digiling halus-halus. Bawang kecil, serai, lada merah, lengkuas dihiris nipis-nipis kemudian digoreng dengan minyak satu persatu.

Panaskan minyak, tumis rempah-rempah giling hingga wangi kemudian masuk tomato, air asam dan garam hingga mendidih, masuk daging bila empuk baru masuk hati dan udang hingga masak. Kemudian masukan kicap biar sekejap baru masuk rempah-rempah goreng, gaul rata-rata barulah diangkat.

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 9 MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 FRAGGLE ROCK
4.55 THE INCREDIBLE HULK (Episod Terakhir)
5.20 DIFFERENT STROKES
5.45 JOURNEY INTO THE HIMALAYAS: "Ladakh — Little Tibet"
6.00 BERITA AWAL
6.05 JOURNEY INTO THE HIMALAYAS — sambungan
6.15 TEKA TEPAT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 NADASARI
7.43 AZAN ISYAK
7.47 NADASARI — sambungan
8.00 WARTA BERITA
8.15 PERTANDINGAN MEMBACA AL-QURAN BAHAGIAN DEWASA PERINGKAT NEGARA TAHUN 1984 — SIARAN LANGSUNG DARI TAMAN HAJI SIR MUDA OMAR ALI SAIFUDDIN.
10.15 KEEP IT IN THE FAMILY
10.45 ROAD TO WEMBLEY: "Watford lwn Plymouth"
11.35 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 10 MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
6.00 BERITA AWAL
6.05 MY NAME IS "Ole Olka, I'm A Masai"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 FAST FORWARD — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE A TEAM: "The Rabbit Who At Las Vegas" Sekumpulan penjahat membuat satu tawaran $100,000 untuk menangkap Hannibal kerana dia dan A Team menumpaskan ketua kumpulan mereka Gianni Christian dalam satu penculikan di Las Vegas.
7.43 AZAN ISYAK
7.50 THE A TEAM — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH KHAS OLEH TUAN FADZULLAH WILMOT
8.45 HIDAYAT
9.15 DUNIA MINGGU INI
9.45 HAWAII FIVE O: "Number One With A Bullet" Bhg 1.
10.45 PAUL HOGAN SHOW
11.15 POT BLACK 1982: "Mountjoy vs. David Taylor"
11.40 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 11 MEI

12.00 PEMBUKAAN
12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
12.12 SUSUNAN RANCANGAN
12.15 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN.

PETANG
1.25 ROAD TO LOS ANGELES: "Track, Judo and Diving"
2.20 CHILDREN'S FEATURES: "A Horse Called Jester"
3.05 ROAD RUNNER SHOW
3.30 ME AND MAXX: Setiap tahun Maxx meraikan harijadinya dengan makan tengah hari di Plaza bersama ibunya. Ketibaan Norman di tempat itu pada kali ini mengelakkan kedukaan Maxx yang mendapati ibunya tidak datang di sana.
3.39 AZAN ASAR
3.55 THUNDERBIRDS
4.25 YOU ASKED FOR IT
4.50 OMNI, THE NEW FRONTIER
5.15 LITTLE RASCALS
5.25 MIANI MIATU
5.35 MORK AND MINDY ANIMATION
6.00 BERITA AWAL
6.05 BENJI: "The Flying Machine"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT.

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 THE GREATEST AMERICAN HERO: "Resurrection of Carlini"
7.43 AZAN ISYAK
7.50 THE GREATEST AMERICAN HERO — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN, BANDAR SERI BEGAWAN
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
9.00 LIPUTAN NASIONAL
9.30 DRAMA: "Serba Salah" Bhg. 4
10.00 DALLAS: "Offshore Crude"
10.50 WKRP IN CINCINNATI: "Venus And The Sun"
11.15 MAGNUM: "Home From The Sea"
12.05 GLEN CAMPBELL
12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 12 MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SESAME STREET
3.30 WOODY WOODPECKER
6.00 BERITA AWAL
6.05 TOWARDS 2000
6.25 JENNIFER SLEPT HERE: "Rebel Without A Cause"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 JENNIFER SLEPT HERE — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 T. J. HOOKER: "Too Late For Love"
7.43 AZAN ISYAK
7.50 T. J. HOOKER — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 MARI MEMASAK: "Sambal Goreng Bali" Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.
9.45 TAYANGAN GAMBAR INDONESIA: "Hujan Duit"
11.15 TAYANGAN GAMBAR AKHIR: "Good Neighbour Sam"
12.45 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 13 MEI

PETANG
2.00 PEMBUKAAN
2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
2.12 SUSUNAN RANCANGAN
2.15 GEORGE OF THE JUNGLE
2.45 LADIES MAN
3.15 BIG LEAGUE SOCCER
3.39 AZAN ASAR
3.45 BIG LEAGUE SOCCER — sambungan
4.10 LOVE BOAT
4.40 THOR
5.10 MAT YO YO
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE MONCHHICHIS
6.25 BENSON: "Crimes Of The Hearth"
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 BENSON — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 MATT HOUSTON: "Butterfly"
7.43 AZAN ISYAK
7.50 MATT HOUSTON — sambungan
8.15 WARTA BERITA
9.30 FORUM
10.30 TO THE MANOR BORN (Episod terakhir)
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 PERSEMBAHAN KEBUDAYAAN ANTARABANGSA (Jepun)
11.00 THE PARAS: "'P' Company"
11.25 WORLD WAR III: Bhg II
12.15 SIARAN TAMAT.



SALAH satu adegan dari siri Komidi ME AND MAXX — yang disiarkan pada tiap-tiap hari Jumaat jam 5.15 petang.

## HARI ISNIN 14 MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN AND MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 SUPERFRIENDS:
5.30 THE POSEIDON FILES: "Killers Of The Barrier Reef" Bhg. I Ketika menjelajah Great Barrier Reef di Australia, sekumpulan penyelidik bertembung dengan binatang-binatang besar laut — di antaranya ular bisa, ikan kurita beracun dan buaya. Konfrantasi mereka nyaris-nyaris maut.
6.00 BERITA AWAL
6.05 THE POSEIDON FILES — sambungan
6.20 TEKA TEPAT
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 TEKA TEPAT — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 FALCON CREST: "Double Dealing" Ketika Angie menyusun bunga di rumahnya, Phillip tiba membawa khabar dari mahkamah bahawa Dr. Lantry menghadapi tuduhan berat. Angie sungguh gembira sehingga Phillip mengingatkannya jika Lantry dibicarakan mungkin melibatkan Angie dalam percubaannya hendak membunuh Chase.
7.43 AZAN ISYAK
7.50 FALCON CREST — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 LIPUTAN NASIONAL
9.15 WRESTLING
10.05 DISCOVER: "The World of Science"
10.55 SYBIL: Bhg. 3
11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 15 MEI

PETANG
4.15 PEMBUKAAN
4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA
4.27 SUSUNAN RANCANGAN
4.30 CANTINFLAS
5.00 NATURE OF THINGS
5.25 BUGS BUNNY SHOW
5.50 WHIZ KIDS: "Lollipop Gang Strikes Back"
6.00 BERITA AWAL
6.05 WHIZ KIDS — sambungan
6.31 AZAN MAGHRIB
6.41 WHIZ KIDS — sambungan

MALAM
7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS
7.15 SCARECROW AND MRS. KING: "Save By The Bells"
7.43 AZAN ASYAK
7.50 SCARECROW AND MRS. KING — sambungan
8.15 WARTA BERITA
8.35 CERAMAH ISRAK MIKRAJ
8.45 ARENA SUKAN
9.45 DYNASTY: "The Vigil" Di luar La Mirage seorang pemandu mabuk melanggar Fallon yang terus jatuh. Jeff dan Blake memerhati dengan tiada bermaya.
10.35 TAYANGAN GAMBAR: "The Shadow Box"
12.05 PAUL ANKA: "Joanie Bye"
12.30 SIARAN TAMAT.

## Rancangan TVP 14–16 Mei

### ISNIN — 14 MEI

PAGI
8.50 SAINS UNTUK DARJAH 4 (Ikan) Ikan boleh dibahagikan kepada dua kumpulan.
1. Ikan Air Masin
2. Ikan Air Tawar.

Apakah yang membolehkan ikan boleh timbul atau tenggelam? Untuk mengetahuinya ikutilah nanti rancangan ini.
9.20 LOOK, LISTEN AND SPEAK (Local Fruits and Vegetables). Siri yang akan ditonton pada minggu ini ialah mengajar nama-nama buah-buahan dan sayur-sayuran dan beberapa perkataan-perkataan yang bermula dengan huruf 'O'. Di Owl Hut, Owl, Bee Bee dan Jay Jay menyanyi lagu 'Fruits and Vegetables'.
10.30 SAINS UNTUK DARJAH 5 Biji Benih dan Percambahan I Dalam rancangan ini murid-murid dapat melihat percambahan biji benih.
1. Percambahan tastanah
2. Percambahan lamtanah.

Percambahan tastanah ialah kotiliden di bawa naik ke atas batang. Bagaimana pula dengan percambahan lamtanah? Adakah juga kotiliden biji benih dibawa naik? Dengan menggunakan kamera khas kamu akan dapat melihat bagaimana percambahan-percambahan ini berlaku.

### SELASA — 15 MEI

PAGI
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Local Fruits and Vegetables)
10.35 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 4 (Ikan).

### RABU — 16 MEI

PAGI
8.50 SIARAN ULANGAN SAINS UNTUK DARJAH 5 (Biji Benih dan Percambahan I)
9.20 SIARAN ULANGAN LOOK, LISTEN AND SPEAK (Local Fruits and Vegetables)

PENGUMUMAN: Rancangan Sains Untuk Darjah 6 berakhir pemancarannya pada hari Rabu 9 Mei, 1984.

# Rancangan rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

92.3 mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
93.8 mHz bagi kawasan Tutong dan Belait.

**GELOMBANG SEDERHANA**

675 kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong.
594 kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait.

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Siaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.24 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita-berita |
| 8.00 pagi | dalam dan luar negeri) |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (tiap-tiap hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN:**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 9 MEI

**PAGI:** 9.00 — Taman Mekar (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

**PETANG:** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 — Penyanyi Minggu Ini, 3.15 — Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Pilihan Petang, 4.00 — Lagu-lagu Rampaian (SU), 4.30— Bangsawan Di Udara (Malik Saifulzan siri ke-9), 5.00 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 8.45 — Diang Dangan, 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI KHAMIS 10 MEI

**PAGI:** 9.00 — Pertanian (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30 — Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait.

**PETANG:** 2.00 — Tetamu Radio, 2.30 — Fokus/Irama Pilihan, 3.15—Hiburan Petang, 3.30 — Majalah Ugama 4.00—Irama Gambus/Asli/Ghazal/Zapin, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Kredaan Allah.

**MALAM:** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-Lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 11 MEI

**PAGI:** 9.30 — Nada Pedoman, 10.15 — Soalan Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran, 12.00—Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**TENGAH HARI:** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-Lagu Instrumental.

**PETANG:** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.15 — Diang Dangan (SU), 3.30 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Dendang Remaja, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM:** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI SABTU 12 MEI

**PAGI:** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI:** 1.30 — Lagu-lagu dari filem.

**PETANG:** 2.00 — Bintang Remaja, 3.15 — Hiburan Petang, 3.30 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM:** 7.00 — Tinjauan (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan Di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 13 MEI

**PAGI:** 9.30 — Taman Mekar, 10.15—Hiburan, 10.30 — Sandiwara Radio, 11.00 — Dendang Remaja (SU), 11.30 Berbalas Pantun.

**TENGAH HARI:** 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat, 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG:** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus (SU), 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-Lagu Lama/Sumbangsih Dari Daerah Belait (SU), 4.30 — Bujang Si Gandam, 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Hiburan Malam, 8.30 — Suara Perajurit, 9.00—Senandung Malam, 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 14 MEI

**PAGI:** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Berdendang Denganku, 10.30 — Pertanian, 11.00 — Ira Kencana.

**T/HARI:** 1-30 — Permintaan Hari Isnin,

**PETANG:** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.00 — Rampai Petang, 4.15 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Selingan Irama (SU), 8.30 — Kuliah Ugama (SU), 8.45 — Lagu-lagu Keroncong, 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 15 MEI

**PAGI:** 9.00 — Suara Perajurit (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-Lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita.

**T/HARI:** 1.30 — Kusampaikan Salam.

**PETANG:** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15 — Seni dan Sastera (SU), 3.30 — Ira Kencana (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM:** 7.00—Ruangan Katani (SU), 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Hiburan, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Talking About Music |
| 8.30 | Hello Tamorrow |
| 9.00 | Popular Classic — 14/21 |
| 9.30 | Classics Half Hour — 14/21 |

### Thursday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme. |
| 8.15 | World Theatre: The Importance of Being Earnest by Oscar Wilde (side 1 & 2 of 6) |
| 9.30 | Jazz at The Questors: Humphrey Lyttelton and His Band (Prog. 1 side 2) |

### Fridays/Holidays

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | A Religious Feature: What Is a Muslim (Prog 2). |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 579/604. |
| 11.30 | Children's half hour. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Top Tunes — 17/18. |
| 12.45 | My Music — 300/436. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club: Treasure Island by Robert Louis Stevenson — 4/13. |
| 1.30 | Break For Music with Malay Traditional Songs 20/26. |
| 1.45 | Just For Variety by continuity announcer. |
| 2.30 | Thirty-Minute Theatre: Something Burning by Joan O'Connor. |
| 3.00 | Soundtrack of the Sixties (K841 — 7 side 2A & 3A) |
| 4.00 | Chinese Programmes. |
| 8.00 | The World of Books. |
| 8.30 | A Religious Feature: What is Muslim (repeat). |
| 8.45 | Brunei Traditional Music (repeat). |
| 9.00 | Perspective |
| 9.30 | A Date with . . . (repeat) |

### Saturday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 2.00 | Just For Variety. |
| 3.00 | Gurkhali Programmes. |
| 8.00 | Melody Time |
| 8.30 | Animal, Vegetable and mineral — 18/30. |
| 9.00 | Strictly Instrumental. |
| 9.30 | Top of The Pops — 1015. |

### Sunday

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11 00 | Our Views — A discussion programme. |
| 11.30 | Practical World. |
| 11.45 | London This Week. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date with ...... |
| 12.45 | Strictly Instrumental. |
| 1.00 | Top of The Pops — 1015. (repeat). |
| 1.30 | Weekend Greetings. |
| 2.30 | Brunei Traditional Music. |
| 2.45 | A Feature: "On Music" — It was in tune when I bought it (side 2 of 2). |
| 3.15 | Just For Variety. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Our Views (repeat). |
| 8.30 | Beautiful Music — 12/60. |
| 8.45 | BBC Science Magazine. |
| 9.30 | Soundtrack of the Sixties — (K841 — 7 side 1B). |

### Monday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five: "Traitor" by Dennis Potter |
| 8.45 | Jim Reeves and His Music — (Prog. 2 side 1 of 2). |
| 9.30 | A Play On Words — 46. |

### Tuesday

POP MUSIC NIGHT

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You. |
| 9.00 | In Sentimental Mood. |
| 9.30 | Stereo Pop Special: "Culture Club" Side 2. |

### Daily

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle. |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan. |
| 6.32 | Quran and It's translation. |
| 6.45 | Berita Perdana followed by Patriotic Song, Brunei's AM Welcome, Weather Forecast Brunei In History. |
| 7.30 | Local News, tide times. |
| 7.35 | Brunei's AM (continued). |
| 8.30 | Chinese Programmes. |
| 11.00 | Ladies At Eleven — except, Friday and Sunday. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break — except Friday and Sunday. |
| 12.30 | News, Weather Forecast, Sidelines and Brunei In History. |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays. |
| 4.00 | Close down for morning transmission on Fridays and Sundays. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PEMBANTU TEKNIK KANAN

PERMOHONAN-permohonan adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong sebagai PEMBANTU TEKNIK KANAN yang berikut di Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Kementerian Pertahanan, Negara Brunei Darussalam.

**Tanggagaji**: C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.

1) PEMBANTU TEKNIK KANAN (BANGUNAN DAN KEJURUTERAAN AWAM):

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak lebih dari 35 tahun.
b) Mestilah mempunyai kelulusan HNC atau yang sebanding dengannya dalam salah satu bidang-bidang yang berikut atau yang berkaitan dengannya : —
   i) Kejuruteraan Awam;
   ii) Juruukur Bahan;
   iii) Kejuruteraan Binaan (Structural);
   iv) Kejuruteraan Air, Parit dan Saluran Najis;
   v) Kejuruteraan Bangunan.

ATAU

c) Mestilah mempunyai kelulusan OND atau yang sebanding dengannya dalam bidang-bidang yang bersesuaian seperti yang tersebut dalam (b) di atas dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam salah satu daripada bidang-bidang berikut dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan.
   i) Kejuruteraan Awam;
   ii) Kerja-kerja Air dan/atau Parit dan Taliair;
   iii) Kerja-kerja Saluran Najis;
   iv) Kejuruteraan Binaan (Structural);
   v) Pemeliharaan dan Pembinaan Jalan-Jalan Raya.

2) PEMBANTU TEKNIK KANAN (ELEKTRIK DAN JENTERA):

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak lebih dari 35 tahun.
b) Mestilah mempunyai kelulusan HNC atau yang sebanding dengannya dalam salah satu bidang-bidang yang berikut atau yang berkaitan dengannya : —
   i) Kejuruteraan Elektrik;
   ii) Kejuruteraan Mekanik;
   iii) Pendingin Hawa/Peti Ais.

ATAU

c) Mestilah mempunyai kelulusan OND atau yang sebanding dengannya dalam bidang-bidang yang bersesuaian atau yang berkaitan dengannya seperti dalam (b) di atas dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam salah satu daripada bidang-bidang berikut dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan : —
   i) Kejuruteraan Awam;
   ii) Kejuruteraan Mekanik;
   iii) Kerja-kerja Pemasangan Elektrik;
   iv) Pemeliharaan Elektrik;
   v) Rekaan dan Pemeliharaan Hawa Dingin;
   vi) Pemeliharaan Peti Ais;
   vii) Sistem Mampat Udara dan Gas (Gas dan Compressed Airsystem).

3) PEMBANTU TEKNIK KANAN (PEMELIHARAAN KEBUN DAN HALAMAN):

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Mestilah berumur tidak lebih dari 35 tahun.
b) Mestilah mempunyai kelulusan HNC atau yang sebanding dengannya dalam salah satu bidang-bidang yang berikut atau yang berkaitan dengannya : —
   i) Kajitumbuhan;
   ii) Pertanian;
   iii) Perkebunan (Horticulture);
   iv) Kehutanan;
   v) Taman dan Kebun Bunga.

ATAU

c) Mestilah mempunyai kelulusan OND atau yang sebanding dengannya dalam bidang-bidang yang bersesuaian atau yang berkaitan dengannya seperti dalam (b) di atas dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman bekerja dalam salah satu daripada bidang-bidang berikut dan mempunyai laporan prestasi kakitangan yang memuaskan : —
   i) Kejuruteraan Awam;
   ii) Kerja-kerja Air dan/atau Parit dan Taliair;
   iii) Kerja-kerja Saluran Najis;
   iv) Kejuruteraan Binaan (Structural);
   v) Pemeliharaan dan Pembinaan Jalan-Jalan Raya.

**Syarat-Syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun. Pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus daripada gaji setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada cukai pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang tiap-tiap satu jawatan yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 18 Jun, 1984.

Bilangan iklan : (91/1984) (E/2267/83)

## DI JABATAN RADIO DAN TELEVISYEN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Jabatan Radio Televisyen, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PENGAWAS (TUKANG LETRIK):

**Tanggagaji**: D. 3 EB. 4-5 — $720-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Calon-calon mestilah mempunyai 3 tahun pengalaman bekerja sebagai seorang Juruletrik di studio-studio televisyen. Boleh membuktikan keupayaan untuk mengetuai satu krew kecil serta boleh menjalankan kerja memasang rig lampu mengikut pelan yang disediakan oleh Pengurus Teknik Studio, dengan pengawasan minima.

b) Pemohon-pemohon yang terdiri dari Juruletrik yang mempunyai kelayakan yang sesuai dalam bidang Pertukangan dan pengalaman dalam kerja-kerja pemeliharaan/pemasangan elektrik juga akan dipertimbangkan.

c) Calon-calon dijangka dikehendaki menunjukkan pengetahuan mereka dalam teknik-teknik asas memasang lampu televisyen, peralatan lampu yang sering digunakan serta menunjukkan minat dalam pemasangan lampu dan keperluan keselamatan fizikal.

**Tugas-tugas :**

Bertanggungjawab kepada Pengawas Lampu (Pengurus Teknik Studio) bagi mengarah dan mengawasi ahli-ahli teknik studio yang terlibat dalam tugas-tugas rigging. Bertugas selaku pasukan utama dalam pemeliharaan letrik di studio.

2. JURUTAYANG:

**Tanggagaji**: D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon mestilah telah bersekolah hingga ke Peringkat Tingkatan Lima, dengan mendapat kelulusan dalam mata pelajaran Fizik, Ilmu Hisab dan lain-lain mata pelajaran Sains. Mempunyai sedikit pengetahuan dalam bidang fotografi. Calon-calon yang terpilih mungkin dikehendaki menjalani satu ujian praktikal dalam mengendalikan Filem/Alat tayang Filem.

**Tugas-tugas :**

Mengendalikan alat tayang filem 16mm untuk preview rancangan dan/atau mengendalikan peralatan Filem/Pita di Bahagian Alihsuara.

3. PEMBANTU PEGAWAI FOTO:

**Tanggagaji**: D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Kelulusan akademik sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan mempunyai pengetahuan dan kebolehan dalam perkara pengambilan gambar dan kerja-kerja memproses dan bilik gelap.

**Am :**

Calon-calon hendaklah menyertakan bersama dengan permohonan mereka 4 keping gambar foto hitam putih atau berwarna berukuran 12" × 15" atau 4 keping slide warna sebagai contoh hasil kerja mereka.

**Tugas-tugas :**

Kerja-kerja menyalin dan membantu menjalankan kerja pengambilan gambar dan mencetak menurut kebolehan dan kemampuan.

4. TUKANG LUKIS:

**Tanggagaji**: D.1-2-3 EB 4-5 — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Calon-calon hendaklah mencapai sekurang-kurangnya Tingkatan III dengan kebolehan bertutur Bahasa Melayu dan Inggeris dan sebaik-baiknya telah menamatkan kursus penuh tiga tahun dalam pertukangan kayu dan ilmu tangan (carpentry and joinery) dengan kelulusan-kelulusan dalam lukisan teknikal dan pertukangan kayu. Calon-calon yang mempunyai pengalaman sebagai tukang pelan di Pejabat akitek sekurang-kurangnya 3 tahun boleh juga dipertimbangkan.

**Tugas-tugas :**

Kepada Tukang Lukis Kanan dan membantu beliau dalam kerja-kerja melukis semula pelan yang kurang sesuai dan tidak lengkap. Menyediakan pelan-pelan bagi set-set yang ada dalam simpanan. Juga membuat pelan yang dikehendaki bila-bila masa.

5. KAKITANGAN PENTAS:

**Tanggagaji**: E.2-3 EB. 4 — $470-$700 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Pemohon-pemohon mestilah terdiri dari kaum lelaki yang berbadan tegap, antara 20 hingga 40 tahun. Lulus Tingkatan III Inggeris.

**Tugas-tugas :**

Tugas-tugas jawatan ini termasuklah menyediakan alat-alat kelengkapan pemandangan atau set untuk studio atau tempat-tempat rakaman luar dan ketika penggambaran perfileman dijalankan. Tugas-tugas lain termasuk menyimpan kelengkapan atau set dan membuat tugas-tugas dalam studio seperti diarahkan. Calon-calon yang berjaya akan bertanggungjawab kepada Scenic Master.

6. PENERBIT TINGKAT II (RADIO) Bahagian Inggeris.

**Tanggagaji**: C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Lulus GCE 'A' Level dan sekurang-kurangnya 3 tahun pegalaman dalam kerja-kerja radio atau lulus GCE 'O' Level dan mempunyai sekurang-kurangnya 5 tahun pengalaman (sama ada secara sambilan) dalam teknik-teknik penerbitan radio, termasuk stereo dan mestilah memperlihatkan kebolehan dayacipta yang nyata dalam tugas mereka. Keutamaan akan diberi kepada calon-calon yang memperolehi GCE Bahasa Inggeris dalam Peringkat 'O'. Kefasihan dalam bertutur dan menulis dalam Bahasa Inggeris adalah diperlukan.

**Tugas-tugas :**

Bertanggungjawab kepada Pengelola Rancangan Inggeris. Bertanggungjawab bagi sebuah seksyen dalam perkhidmatan Inggeris Hal Ehwal Semasa, Ugama, Drama, Rancangan Kanak-Kanak dan lain-lain, atau bertanggungjawab bagi 'blocks of output' dalam perkhidmatan Inggeris. Menerbitkan rancangan-rancangan muzik, drama, rencana. Mungkin berita dan menjalankan tugas-tugas continuity. Membantu/memberi nasihat kepada penerbit rendah dalam hal ehwal penerbitan radio.

7. PENOLONG PENERBIT TINGKAT II:

**Tanggagaji**: D.1-2-3 EB 4-5 — $425-$1290 sebulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan dan pengalaman.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Bahagian Melayu dan Inggris

Lulus GCE Peringkat 'O' dalam aliran Melayu atau Inggeris. Fasih menulis dan bertutur dalam bahasa yang berkenaan; mutu suara yang sesuai untuk radio (calon-calon akan dikehendaki menjalani ujian suara di RTB). Pengetahuan mengarang dan minat yang khusus dalam beberapa aspek rancangan-rancangan RTB seperti drama atau hal ehwal semasa, merupakan satu kelebihan.

b) Bahagian Cina

Lulus Tingkatan V Cina (Chinese Senior Middle Tree). Fasih menulis dan bertutur dalam Bahasa Mandarin; kebolehan membaca skrip-skrip dalam Bahasa Melayu dan Inggeris adalah satu kelebihan; mutu suara yang sesuai untuk radio (calon-calon akan dikehendaki menjalani ujian suara di RTB).

**Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya, dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.**

Permohonan - permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 12 Jun, 1984.

(Bil iklan : 95/1984)

(E/670/75).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN HAL EHWAL UGAMA

PEMBORONG-pemborong adalah dipelawa untuk menghantar tawaran mereka mengenai perkara yang berikut kepada Pengerusi Lembaga Tawaran Negara Brunei, Darussalam, tidak lewat pada hari Isnin, 14 Mei, 1984.

| | | |
|---|---|---|
| i) | Penyata Kemajuan Murid-Murid Sekolah Ugama | — 5,000 |
| ii) | Daftar Kedatangan Murid-Murid Sekolah Ugama | — 3,000 |
| iii) | Daftar Kedatangan Murid-Murid Satu Mata Pelajaran Sahaja | — 3,000 |
| iv) | Buku Panduan Mengajar | — 3,000 |
| v) | Kapur Putih (PENGUIN 501) (Super Quality 100 Sticks) | — 500 kotak |
| vi) | Kayu Pembaris 36" | — 500 batang |

2. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat dan ditulis dengan perkataan 'TAWARAN MEMBEKAL ALAT-ALAT SEKOLAH UGAMA' tanpa menunjukkan identiti pemborong.

3. Tawaran yang lewat diterima dari tarikh yang dinyatakan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cagaran tawaran sebanyak $100.00 (seratus ringgit sahaja) hendaklah dibayar ke Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bahagian Kewangan, tingkat pertama bilik No: 202, pada bila-bila masa waktu bekerja biasa hingga hari Sabtu, 12 Mei, 1984, jam 3.00 petang.

5. Keterangan lanjut dan butir-butir pencetakan yang dimaksudkan boleh dilihat dan diperolehi dari bilik bahagian tawaran, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Seri Begawan, tingkat pertama bilik No: 205.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat menerima tawaran yang paling murah atau sebarang tawaran yang difikirkan tidak munasabah.

## Department of Agriculture Tender Notice

TENDERS are invited for the supply of 300 tonnes upwards 12:12:17:2 compound fertilizer, 1 tonne upwards Dipterek insecticide (trichlorphon) with minimum 95% SP, 800 litres upwards Dildrex insecticide with minimum 15% EC, 500 kilograms upwards Benlate fungicide with minimum 50% AI, 100 kilograms upwards Bavistin fungicide with minimum 50% AI, 300 litres upwards Round Up weedicide (glyphosate) with minimum 30.5% AI, 700 litres upwards 2, 4-D Amine or Ester weedicide with standard formulations, 18000 litres upwards Gramoxone weedicide (or similar paraquat) with minimum 20% AI, and 50 tonnes upwards Furadan insecticide (or similar carbofuran) with minimum 3% AI.

Tenders should be accompanied by a certificate of analysis by a registered analytical chemist recognised in Malaysia, Singapore or equivalent.

Tenderers should give unit price CIF Muara Port to be delivered to the Kilanas Agricultural Store, size/capacity and type of containers/bags used, date of delivery, and source and details of materials supplied. They should also give a written undertaking to supply not less than 2% empty bags and to replace or rebag any broken containers at their own expense. They will be responsible for safe handling of these chemicals to the point of delivery.

Tenders marked only with "AGRICULTURAL DEPARTMENT CHEMICALS" should be addressed to the Chairman of Tenders Board, Fourth Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan not later than 12.00 noon on Monday 14th May, 1984.

The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 140 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK: No. AD416/0701

STESEN PUMP UTAMA No. 9 — KONTRAK C3.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Watson Hawksley Asia, Room 40, Hongkong Bank Chambers, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei 1984.

Tarikh tutup: 28 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 141 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. 84AR/083

BAGI MEMBAIKI DAN MEMBAHARUI BAHAGIAN LUAR FLAT STONEY PWD No. 426 DI JALAN STONEY, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $100.00.

### BIL: 142 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. 84AB/BOM004

PEMBESARAN DAN PEMBAHARUAN PEJABAT PENGAWAL PASUKAN BOMBA DI BALAI BOMBA BATU ¾, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 143 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. AD401/0504

PEMBINAAN UBAH SUAI RUMAH PANGSA KELAS 'F' ASRAMA WANITA P.L.P. SINAUT TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 144 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK: No. AD419/4201

CADANGAN PUSAT SEJARAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 145 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. 84AB/BOM004

TAMBAHAN CAWANGAN SALURAN-SALURAN NAJIS DAN PENYAMBUNGAN UNTUK BANGUNAN-BANGUNAN KERAJAAN DI TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 146 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja (Pemborong Elektrik) untuk:

PROJEK: No. AD409/070101

PEMASANGAN ELEKTRIK DAN LOCENG KEBAKARN UNTUK CADANGAN GUDANG BARU KERAJAAN DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Perunding Leeng, Blok 4 & 5, Kompleks Seri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 28 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 147 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk:

MEMBEKAL DAN MEMASANG TEMPAT MEMBAKAR SAMPAH DAN 4000 I G TANGKI MINYAK DISEL.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Panatec Services, Bilik 3-A, Tingkat Satu, Kompleks Chempaka, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: 148 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk:

MEMBEKAL BARANG-BARANG UBAT MENGGOSOK (POLISHING) DAN LAIN-LAIN PERKAKAS DAPUR (HARDWRE) UNTUK BAHAGIAN PERABOT JABATAN KERJA RAYA BAGI TEMPOH SATU TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapatr di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 149 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong yang berpengalaman dalam lantai komputer untuk:

PROJEK: No. AD419/4101

LANTAI KOMPUTER UNTUK CADANGAN RBA PLAZA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Sepakat Setia Perunding, Tingkat Dua, 147, Jalan Pemancha, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 150 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. 84AB/PELO52 & 84AB/PELO53

PEMBINAAN KEDAI UNTUK SEKOLAH MELAYU KENUA DAN SEKOLAH MELAYU SEMABAT TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 151 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. 84AB/PELO49, 84AB/PELO50 DAN 84AB/PELO51

PEMBINAAN KEDAI UNTUK SEKOLAH MELAYU SULTAN HASSAN BANGAR, SEKOLAH MELAYU SULTAN HASHIM BATU APOI DAN SEKOLAH MELAYU NAGALANG, TEMBURONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 14 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 152 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk:

PROJEK: No. AD415/010113

SISTEM KESELAMATAN ELEKTRONIK UNTUK RUMAH UBAT DI RUMAH SAKIT R.I.A.S., BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 153 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK: 84AR/KBS006

MERATAKAN, MENIMBUK DAN MEMBINA CONCRETE PAVEMENT TEMPAT MENYIMPAN PERAHU BAGI JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN DI JALAN LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.i

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 154 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk

PROJEK No.: 84AR/095

BAGI MEMBEKAL DAN MENGHANTAR BATU-BATU CRUSHER-RUN UNTUK CADANGAN JALAN-JALAN MASUK DAN PENARUHAN KERETA DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00.

### BIL: 155 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal-pembekal untuk

PROJEK No.: 36/5

MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CERUCUK BAKAU (BAKAU PILE) KEPADA JABATAN KERJA RAYA DI DALAM KAWASAN DAERAH BRUNEI-MUARA DAN TUTONG BAGI TEMPOH SATU TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 28 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $200.00.

### BIL: 156 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 84AB/DBP001

PEMBAHARUAN BILIK PENYAMBUT TETAMU/TELEFON OPERATOR DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 157 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pembarong Kelas "AX" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: AD414/0808

PEMBINAAN 1 BLOK (6 UNIT) RUMAH PANGSA KELAS 'E' DAN 1 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'F' DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA BAGI SEKOLAH MELAYU SINAUT, TUTONG, BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 21 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 158 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk:

PROJEK No.: 4/21

CADANGAN UNTUK PEMBINAAN JALAN KELUAR BERPAGAR DI PERUSAHAAN PADI KERAJAAN DI WASAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 28 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 159 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk:

PROJEK No.: AD428/0901

CADANGAN UNTUK PADANG OLAHRAGA DAN PERMAINAN DI PENGKALAN TENTERA LAUT, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Ho Kwong Yew dan Anak-Anak Akitek-Akitek, 406, Bangunan Guru-Guru Melayu, Jalan Kianggeh, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup: 28 Mei, 1984.

Cagaran tawaran: $1,000.00 + $100.00 (lukisan).

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## JABATAN KERJA RAYA, BRUNEI — PEMBERITAHUAN TAWARAN

### BIL: 160 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/4
MENGUATKAN SEMENTARA PENGKALAN BELANGKAS DI MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 161 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PLA005
MENGERASKAN PAGAR DI SEKELILING PELABUHAN MUARA HINGGA KE DASAR LAUT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 162 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" untuk :

PROJEK No.: 84AB/PLA006
CADANGAN PENGALASAN (BATU) KONKRIT, SISTEM PENGALIRAN, LAMPU TIANG TINGGI DAN PENYIMPANAN BARANG-BARANG BEKU DI PELABUHAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 163 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD401/0301
CADANGAN STOR UNTUK PUSAT PENYELIDIKAN PERTANIAN KILANAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 164 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/PEL041 & 84AB/PEL040
PEMBINAAN KEDAI UNTUK SEKOLAH MELAYU PENANJONG DAN SEKOLAH MELAYU MAHKOTA, TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 165 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk

PROJEK No.: 36/10
MEMBAIKI SEPENUHNYA DAN MENCAT SEMULA 2 BLOK BILIK DARJAH, DEWAN MAKAN, 2 BLOK BILIK STOR DAN RUANG PERLINTASAN JALAN DI SEKOLAH MELAYU JERUDONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : : $100.00.

### BIL: 166 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
MENYELESAIKAN KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA DUA BLOK SEKOLAH (PWD 1737 DAN PWD 1738) DI SEKOLAH MELAYU, SERASA JALAN SERASA, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 17 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 21 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JKR KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: KB 37 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'B' untuk:

PROJEK : "MEMBAIKI KEROSAKAN-KEROSAKAN SEKOLAH RENDAH DAN MENENGAH SERTA LAIN-LAIN BLOK DI SEKOLAH MELAYU AHMAD TAJUDDIN, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 14 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $300.00.

### BIL: KB 38 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK : "TAMBAHAN STOR MAKMAL SAINS BAGI SEKOLAH M.M. MUHAMMAD ALAM, SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 10 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 14 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 39 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'A' untuk :

PROJEK : "CADANGAN PEMBINAAN JALAN SUNGAI TUJUH, KUALA BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 28 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $5,100.00.

### BIL: KB 40 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK : "MEMBINA PAGAR BAGI SEKOLAH MELAYU REMPAYOH ULU BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 28 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

### BIL: KB 41 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" untuk :

PROJEK : "MEMBINA PAGAR BAGI SEKOLAH MELAYU LABI ULU BELAIT."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 24 Mei, 1984.

Tarikh tutup : 28 Mei, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00.

## Supply of Dog Food to the Gurkhas Reserve Unit — 1985

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Negara Brunei Darussalam for the following:

PURINA Hi-PRO-Dog Food. 50lbs Bags — Qty — 440 bags.
To be packed in strong 3 Ply bags to prevent spillage and infestation.

2. Delivery is required in 4 instalments to arrive at Muara Port at 3 monthly intervals, The first instalment by 1 January, 1985.
3. All prices to be quoted on CIF BRUNEI.
4. Substitution is NOT accepted.
5. Tenders must be contained in a plain sealed envelope with no indication of the name of the tenderer. The envelope should be marked "Supply of Dog Food to the Gurkha Reserve Unit" in the top left hand corner.
6. Tenders should be placed in the Tender Box situated outside the Office of the Permanent Secretary Ministry of Finance, on the 2nd Floor, BSB, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 11 June, 1984.
7. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran, terletak di Pejabat Procurement di Bangunan Logistik Depoh, Pusat Latihan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, tidak lewat jam 8.30 hari Khamis 17 Mei, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran bolehlah dilihat dan diperolehi dari Pejabat Procurement, Angkatan Berseenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730 — 1230 dan 1400 — 1630 tiap-tiap hari Isnin hingga hari Khamis, 0730 — 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka.

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah diserahkan dan dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat dari 3 hari selepas tarikh Tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa adalah tidak diterima.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada penawar-penawar yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL. PROC/T/80/84
MEMBEKAL: PERALATAN TENTERA
Cagaran: $300.00.

BIL. PROC/T/81/84
MEMBEKAL : R. E. BATTERY CHARGER TYPE IC ETC.
Cagaran $250.00.

BIL. PROC/T/82/84
MEMBEKAL : WATER HEATER
Cagaran: $300.00.

BIL. PROC/T/83/84
MEMBEKAL : LIFE JACKET
Cagaran : $300.00.

BIL. PROC/T/84/84
MEMBEKAL : DEHYDRATOR
Cagaran : $200.00

BIL. PROC/T/85/84
MEMBEKAL : PLASTIC TARGETS
Cagaran : $500.00.

BIL. PROC/T/86/84
MEMBEKAL : CLASS 30 TRACKWAY AND ACCESSORIES
Cagaran : $500.00.

BIL. PROC/T/87/84
MEMBEKAL : MORCOS COMPUTER
Cagaran: $500.00.

BIL. PROC/T/88/84
MEMBEKAL : HELICOPTER RESCUE STROP
Cagaran : $250.00..

BIL. PROC/T/89/84
MEMBEKAL : FIELD COOKING
Cagaran: $500.00.

BIL. PROC/T/90/84
MEMBEKAL : MINE TAPE 2"
Cagaran: $200.00.

BIL. PROC/T/91/84
MEMBEKAL : WEBBING SETS
Cagaran : $150.00.

BIL. PROC/T/92/84
MEMBEKAL : WOODEN CASE
Cagaran : $300.00.

BIL. PROC/T 93/84
MEMBEKAL : DENTAL UNITS
Cagaran : $300.00.

BIL. PROC/T/94/84
MEMBEKAL : HELICOPTER SLINGS
Cagaran: $200.00.

BIL. PROC/T/95/84
MEMBEKAL : WHEELBARROW SPARES
Cagaran : $100.00.

BIL. PROC/T/96/84
MEMBEKAL : MOTOROLA PAGEBOY.
Cagaran : $100.00.

## Pemberitahuan Tawaran Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan,

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Pegawai Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Pejabat-Pejabat Kerajaan, Bandar Seri Begawan hingga 12.00 tengah hari 17 Mei, 1984 bagi membekalkan perkara-perkara seperti berikut:—

MEMBEKALKAN DAN MEMASANG 3 UNIT F.I.N.A. STANDARD ADJUSTABLE SPRING BOARD UNTUK KOLAM RENANG DI ANGGEREK DESA.

2. Tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang tertutup. Tanda-tanda yang menunjukkan nama-nama penawar jangan sekali ditaruh di atas sampul surat itu dan sampul surat hendaklah dialamatkan kepada:—

Lembaga Tawaran Brunei
d/a. Pegawai Kewangan Negara.
Bangunan Pejabat Setiausaha Kerajaan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

3. Sampul surat hendaklah ditanda dengan terang "TAWARAN UNTUK MEMBEKALKAN DAN MEMASANG 3 UNIT F.I.N.A. STANDARD ADJUSTABLE SPRING BOARD UNTUK KOLAM RENANG ANGGEREK DESA.

4. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog (gambar) jenis SPRING BOARD yang ditawarkan beserta dengan butir-butir berikut:—

i Tempoh pembekalan & pemasangan
ii Harga tawarannya
iii Lama dalam jaminan
iv Lain-lain hal, jika ada.

5. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang dinyatakan di atas ataupun yang tidak dialamatkan dengan betul tidak akan dilayan.

6. Keterangan-keterangan mengenai dengan alat-alat ini bolehlah didapati daripada Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

7. Wang cengkeram sebanyak $200.00 hendaklah dibayar ke Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

8. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## DI DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri dari rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan-jawatan kosong yang berikut di Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

1. PEGAWAI PEMASARAN:

**Tanggagaji:**
C. 3-4 EB. 5—$1735-$2580 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
b) Mesti mempunyai kelulusan Higher National Diploma dalam salah satu bidang pengajian yang berikut atau sama dengannya:—
   i) Pemasaran (Marketing);
   ii) Pengurusan;
   iii) Perniagaan (Business Studies);
   iv) Perdagangan.
c) Mempunyai inisiatif untuk merancang pemasaran buku-buku.
d) Mempunyai kebolehan bertutur dan menulis dalam Bahasa Melayu dan Inggeris dengan baik dan lancar.
e) Mempunyai kelulusan asas Bahasa Melayu dalam Sijil Am Pelajaran di Peringkat Biasa.
f) Berkebolehan membaca dan menulis jawi.
g) Mempunyai pengalaman dalam urusan Penerbitan dan Pemasaran buku/majalah merupakan satu kelebihan.
h) Bersedia untuk bertugas di mana-mana sahaja bila dikehendaki.

2. PEGAWAI PENERBITAN:

**Tanggagaji:**
C. 2 EB. 3 — $1260-$1980 sebulan.
Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan-kelayakan dan pengalaman.

a) Mestilah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
b) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya:—
   i) HNC/BEC Higher Certificate dalam bidang penerbitan buku-buku dan majalah-majalah atau yang sebanding dengannya.
   ATAU
   ii) Pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan dalam bahagian III sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan dan mempunyai kelulusan Ordinary National Diploma atau kelulusan Diploma yang sebanding dengannya yang diiktiraf dalam bidang penerbitan buku/majalah serta mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.
c) Mempunyai kelulusan asas Bahasa Melayu dalam Sijil Am Pelajaran di Peringkat Biasa.
d) Tahu membaca dan menulis jawi.
e) Calon-calon yang mempunyai pengalaman bekerja dan kreatif dalam bidang penerbitan buku-buku atau majalah-majalah adalah mendapat keutamaan.

3. PEGAWAI PERPUSTAKAAN KANAN:

**Tanggagaji:** C. 1-2 EB. 3 — $1110-$1980 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
b) i) Mestilah terdiri dari pemegang jawatan Pegawai Perpustakaan yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.
   ATAU
   ii) Mestilah terdiri dari pegawai-pegawai Kerajaan dalam bahagian IV yang telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun dan telah ditetapkan dalam jawatan serta mempunyai kelulusan OND atau kelulusan Diploma yang sebanding dengannya dalam bidang Perpustakaan atau yang berkaitan dengannya serta mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.
c) Calon-calon yang pernah mengikuti kursus/latihan perpustakaan sama ada di dalam/luar negeri merupakan satu kelebihan.

4. PENJILID BUKU:

**Tanggagaji:** D. 1 EB. 2-3 — $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
b) i) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran di Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
   ATAU
   ii) Terdiri dari pegawai dalam bahagian V yang mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran Brunei dan telah berkhidmat sekurang-kurangnya 5 tahun serta mempunyai Laporan Prestasi Kakitangan yang memuaskan.
c) Mempunyai pengetahuan asas tentang kerja-kerja menjilid buku-buku dan majalah-majalah.

5. PEMBAHAGI BUKU:

**Tanggagaji:** D.1-2 EB.3— $425-$900 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman:**

a) Mestilah berumur di antara 18 hingga 35 tahun.
b) i) Mestilah mempunyai kelulusan sekurang-kurangnya satu mata pelajaran dalam Sijil Am Pelajaran di Peringkat Biasa atau yang sebanding dengannya.
   ATAU
   ii) Terdiri dari Pegawai dalam bahagian V yang mempunyai susuk badan yang tegap dan kuat.
c) Sanggup bertugas menghantar bahan-bahan yang telah dicetak ke kawasan-kawasan luar bandar serta dapat menjalankan tugas tanpa diarah atau diawasi.
d) Calon-calon yang mempunyai pengalaman bekerja dalam jawatan-jawatan yang bersesuaian adalah mendapat keutamaan.

**Tugas-tugas dan Tanggungjawab:**

Bertanggungjawab penuh dalam kerja-kerja pembahagian buku dan majalah-majalah ke sekolah-sekolah dan pihak-pihak lain yang memerlukannya di bawah pengawasan Ketua Bahagian Pentadbiran.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Brunei dan hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Brunei.

Tarikh tutup: 7 Jun, 1984.

(Bil iklan: 92/1984)

(E/168/84).

## FOREST DEPARTMENT TENDER NOTICE

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan up to Monday 12.00 noon on 4th June, 1984 for the following: —

a) 124 Pasang Seluar Panjang (Kain Decron)
b) 14 Pasang Baju Tunik (Kain Decron)
c) 55 Pasang Baju Tangan Panjang (Kain Decron)
d) 55 Pasang Baju Tangan Pendek (Kain Decron)
e) 104 Pasang Seluar Panjang (Kain Kipar Kuning)
f) 52 Pasang Baju Tangan Panjang (Kain Kipar Kuning)
g) 52 Pasang Baju Tangan Pendek (Kain Kipar Kuning)
h) 20 Helai Skirt bagi Perempuan (Kain Decron)
i) 8 Helai Baju Tangan Panjang (Kain Decron)
j) 200 Pasang Lapek Hijau.

The tender is to stated price C.I.F. Brunei and delivery time.

Tender must be submitted in plain sealed envelope, and there must be no indication on the envelope the name of the tenderer.

The envelope should be addressed to: —
Chairman,
Tenders Board,
Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

The Government does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Pejabat Daerah Brunei dan Muara Pemberitahuan Tawaran

TAWARAN-tawaran adalah diterima daripada pembekal-pembekal atau quari-quari yang dapat membekalkan batu jenis yang disebutkan berikut di bawah: —

(a) Crusher run Stones
(b) Round Stones
(c) Block Stones
(d) Dust Stones

kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam bagi tempoh selama dua tahun iaitu 1984 dan 1985.

2. Pembekal-pembekal hendaklah menyatakan harga bagi tiap-tiap satu ela padu tanpa pengangkutan. Pembekal-pembekal juga bersedia dan berkesanggupan bagi membekalkannya pada bila-bila masa yang tertentu yang bersesuaian untuk digunakan oleh Pejabat ini. Pengangkutan batu-batu tersebut adalah disediakan oleh Pejabat ini.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan menggunakan sampul surat biasa yang ditutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat-syarikat pembekal disampul surat tersebut kecuali bilangan rujukan (TENDER NO. 2 MEMBEKALKAN BATU KEPADA PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TAHUN 1984 DAN 1985) tuan sahaja ditulis dengan jelas.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4 Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat 12.00 tengah hari pada hari Isnin 28 Mei, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau dari sebarang tawaran.

## KENYATAAN TAWARAN

**JABATAN LAUT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

**Pemberitahuan Tawaran, No. 4 tahun 1984**
**Pembekalan Satu Unit Traktor enjin Diesel Dipasang dengan Mesin Pemotong Rumput**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi, Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Pejabat Setiausaha Tetap, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 11 Jun, 1984.

Bagi:—

PEMBEKALAN SATU UNIT TRAKTOR ENJIN DIESEL DIPASANG DENGAN MESIN PEMOTONG RUMPUT.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar melalui sampul surat yang bertutup dengan tidak memberikan apa-apa identiti Pemborong. Sampul-sampul surat mestilah ditanda "Tawaran bagi Jabatan Laut, Traktor enjin Diesel dipasang dengan Mesin Pemotong Rumput."

3. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran di alamat yang diberikan di atas.

4. Keterangan-keterangan lengkap bolehlah diperolehi dari Pejabat Pengarah Laut, Bangunan Kastam Diraja, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pembekal-pembekal untuk membekalkan "2 UNITS SPRINGKLER DAN LAIN-LAIN ALAT UNTUK PADANG, JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM."

2. Keterangan-keterangan lanjut mengenai dengan penentuan barang-barang ini bolehlah didapati dari Bahagian Pentadbiran, Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan dalam sampul surat yang bertutup dan dialamatkan kepada "Pengerusi Lembaga Tawaran Brunei" di alamat Jabatan Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam dengan terang dinyatakan "MEMBEKALKAN 2 UNIT SPRINGKLER DAN LAIN-LAIN ALAT UNTUK PADANG, JABATAN KEBAJIKAN BELIA DAN SUKAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" dengan tidak ada tanda-tanda yang menunjukkan nama penawar di sampul surat itu. Tawaran-tawaran itu hendaklah dihantar tidak lewat dari 17 Mei, 1984 jam 12.00 tengah hari. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan waktu yang ditetapkan di atas tidak akan dilayan.

4. Wang cengkeram sebanyak $200.00 hendaklah dibayar kepada Jabatan Kebajikan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam pada bila-bila masa pejabat dibuka.

5. Syarikat-syarikat yang menghantar tawaran-tawaran mereka adalah dikehendaki menghantar katalog jenis alat-alat pengaliran yang ditawarkan beserta dengan butir-butir seperti berikut: —

i. Tempoh pembekalan
ii. Harga tawaran C.I.F.
iii. Lama dalam jaminan
iv. Lain-lain hal, jika ada.

6. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE

No. 9/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 28th May, 1984 for the Supply of the following Fire Brigade Equipments: —

A. To Supply "Rescue Equipments."

B. To Supply Fire Equipments and Materials.

2. The supplier is required to supply for the period of two years from the date of approval.

3. Tenderers are requested to forward their catalogue and specifications for the above equipments with their quotations and tenders. All prices quoted to be in Brunei Currency CIF Brunei.

4. Further specifications and details of the Equipments may be obtained from the Senior Staff Officer Fire Brigade Headquarters Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

5. Date of delivery to be stated.

6. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.

7. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "Tenders for the Supply and Delivery of Fire Brigade Equipments" and should be addressed to the Chairman Tender Board at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam. The name of the tenderer must not be written on the envelope.

8. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

## Pemberitahuan Tawaran Pejabat Daerah Brunei dan Muara

TAWARAN-tawaran adalah diterima daripada pembekal-pembekal atau kedai-kedai jahit yang dapat membekalkan kain dan seterusnya menjahit pakaian seragam kakitangan Pejabat Daerah Brunei Dan Muara bagi tempoh selama dua tahun iaitu 1984 dan 1985.

2. Tawaran-tawaran hendaklah menyatakan harga tiap-tiap sepasang pakaian tersebut mengikut jenis-jenis kain yang kualitinya baik bagi potongan pakaian yang disebutkan berikut di bawah ini: —

(a) POTONGAN SAFARI PATTERN COAT;
(b) POTONGAN BAJU LUAR 4 KOCEK; dan,
(c) POTONGAN BAJU LUAR (BIASA).

Keterangan lanjut boleh diperolehi daripada Pejabat Daerah Brunei dan Muara pada bila-bila masa Pejabat dibuka.

3. Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan menggunakan sampul surat biasa yang ditutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat-syarikat pembekal disampul surat tersebut kecuali bilangan rujukan (TENDER NO. 3 MEMBEKALKAN KAIN DAN SETERUSNYA MENJAHIT PAKAIAN SERAGAM KAKITANGAN PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA BAGI TAHUN 1984 DAN 1985) tuan sahaja ditulis dengan jelas.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dihantar kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4 Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat 12.00 tengah hari pada hari Isnin 28 Mei, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh tutup yang dinyatakan tidak akan dilayan.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau dari sebarang tawaran.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SKIM PELATIH INDUSTRI SHELL BRUNEI PENGAMBILAN KEDUA 1984

SEBAGAI tambahan kepada pengambilan penuntut-penuntut yang telah menamatkan pengajian Tingkatan Lima pada tahun ini, SYARIKAT MINYAK SHELL BRUNEI BERHAD sekarang menawarkan peluang-peluang lanjut kepada Warganegara Negara Brunei Darussalam untuk Skim Pelatih Industri ini.

Pengambilan ini hanyalah untuk Warganegara Brunei yang telah menamatkan atau sedang mengikuti kursus-kursus BEC, TEC atau CGLI di JBSE, PLTB atau di United Kingdom.

Pihak Syarikat bercadang untuk menyediakan Warganegara Brunei bagi jawatan-jawatan di peringkat Pegawai Kejuruan dan Penyeliaan (SSS) dan dari itu akan memberi keutamaan kepada Warganegara Brunei yang mempelajari atau mempunyai kelayakan-kelayakan berikut :

1. Sijil Technician Education Council (B/TEC)
2. Sijil Business Education Council (B/TEC)
3. Sijil City and Guilds Technician (CGLI).

Warganegara Brunei yang masih belajar atau telah menamatkan kursus-kursus Pertukangan City and Guilds (820, 821, 823, dan lain-lain) akan dipertimbangan untuk sejumlah kecil jawatan-jawatan di peringkat Pegawai Teknikal dan Pentadbiran (TAS).

Walaupun pengetahuan lain mungkin dipertimbangkan, pengetahuan-pengetahuan yang diutamakan untuk kedua pelatih-pelatih pertukangan dan teknikal adalah seperti berikut :

Mechanical Plant
Electrical Services
Instrumentation and Control
Electronics
Civil and Building Maintenance
Welding and Fabrication
Telecommunications.

Selain dari syarat-syarat yang tersebut di atas, pemohon-pemohon yang berjaya mestilah :

Berumur 17 tahun ke atas pada 1 Julai, 1984.
Warganegara Brunei Darussalam
Boleh menguasai Bahasa Inggeris dengan berpatutan
Bersedia untuk bekerja di laut and/atau pada waktu yang luar dari biasa..

Skim Pelatih Industri ini bertujuan untuk menyediakan anak-anak muda Negara Brunei Darussalam dengan kemahiran-kemahiran teknikal asas yang perlu untuk membolehkan mereka mempunyai kerjaya di peringkat tukang atau juruteknik di Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad atau di Syarikat Cecair Gas Asli Brunei.

**Persediaan-persediaan untuk pemohon-pemohon yang berjaya**

1. Shell Brunei akan mengambilalih penyusunan dermasiswa untuk penuntut-penuntut yang pada masa ini sedang belajar di institusi-institusi di Negara Brunei Darussalam dengan membenarkan mereka menamatkan pelajaran-pelajaran mereka sebelum masuk berkhidmat dengan Syarikat.

atau

2. Bagi penuntut-penuntut yang telah menamatkan latihan vokasional mereka di Negara Brunei Darussalam atau di United Kingdom, Pusat Latihan Syarikat di Seria akan menyediakan latihan praktikal sebelum memasuki perkhidmatan di Jabatan-Jabatan Operasi.

**Semua peraturan dermasiswa dan perkhidmatan untuk penuntut-penuntut di bawah biasiswa Kerajaan adalah tertaklok kepada kebenaran dari Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.**

Borang-borang permohonan boleh didapati secara bertulis, atau datang sendiri ke :

Jabatan Perancang dan Perkembangan Kakitangan
(Ruj.: BB/14),
Syarikat Minyak Shell Brunei Berhad,
Seria.

Tarikh tutup menerima permohonan ialah 18 Mei, 1984.

## Pemberitahuan Tawaran Pejabat Daerah Brunei dan Muara

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Tingkat 4 Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat Jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 28 Mei, 1984 untuk membekalkan kenderaan-kenderaan yang disebutkan berikut di bawah kepada Pejabat Daerah Brunei dan Muara, Negara Brunei Darussalam :—

1. Refuse Collecting Truck — Dua (2) Units
2. Wheel Loader — Dua (2) Units
3. Cargo Truck 5 ton — Empat (4) Units
4. Tanker Air (Water Tanker) — Satu (1) Unit
5. Tanker Minyak (Oil Tanker) — Satu (1) Unit
6. Bas Penumpang (26 Tempat Duduk) — Satu (1) Unit

Pembekal-pembekal adalah dikehendaki menghantar tawaran mereka dengan menyatakan harga C.I.F. Brunei, lama dalam jaminan, berapa lama sampai ke Negara Brunei Darussalam serta menyertakan specifications dan juga katalog (gambar) jenis kenderaan yang ditawarkan itu. Badan kenderaan hendaklah buatan factory asal dan jika berlainan hendaklah nyatakan tempat membuatnya yang lain itu.

Tawaran-tawaran hendaklah dikirim dengan menggunakan sampul surat biasa yang ditutup tanpa menaruh tanda-tanda atau nama syarikat di sampul surat tersebut. Sampul surat hendaklah ditanda "TAWARAN NO. 4 MEMBEKALKAN KENDERAAN KEPADA PEJABAT DAERAH BRUNEI DAN MUARA NEGARA BRUNEI DARUSSALAM" di bahagian atas sebelah kiri.

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam adalah tidak terikat bagi menerima tawaran yang paling rendah atau dari sebarang tawaran.

## Tender Notices Royal Brunei Police Force

### No. 13/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, up to 12.00 noon on Monday 21st May, 1984.

MARINE PAINTS (EPIGLASS PRODUCTS).

2. Tender documents are obtainable from Head of Logistic/Procurement, Police Headquarters, Gadong.
3. Prices to include duty and delivery to Marine Police, Muara.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked : —
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE — SUPPLY OF MARINE PAINTS".
5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### No. 14/1984

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 21st May, 1984.

JOHNSON OUTBOARD ENGINE SPARES.

2. Tender documents are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.
3. Prices to include duty and delivery to Marine Police, Muara.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked:—
ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF OUTBOARD ENGINE SPARES PARTS.
5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### No. 15/1984

TENDERS will be received by the Chairman Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 21st May, 1984.

HOLDEN COMMODORE SPARE PARTS.

2. Tender documents are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.
3. Prices to include duty and delivery to Police Headquarters, Gadong.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked:—
ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF SPARE PARTS.
5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### No. 16/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan up to 12 noon on Monday 28th May, 1984.

TANKER SPRINKLER TRUCK — 1 UNIT

2. Tender specifications are obtainable from Head of Logistics/Procurement, Police Headquarters, Gadong.
3. Price to be quoted CIF Brunei and delivery to Police Headquarters, Gadong.
4. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman Tenders Board and clearly marked:—
"ROYAL BRUNEI POLICE FORCE SUPPLY OF TANKER SPRINKLER TRUCK."
5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

### No. 17/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board at the 4th Floor Jabatan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to 12.00 noon on Monday 28th May,

1. MILLING MACHINE — 1 unit
**Specification**
Power : 440, 3 phase 50 cycles AC
Model : Size 2 Vertical PARKSON or equivalent
Table Working surface : 51 x 12.75 (ins.)
Transverse : 30x10x16.5 (ins.)
No of spindle speeds : 24
Speed ranges : 18-1000 r.p.m.
No. of feeds : 16
Spindle motor : 10 H.P.
Feed motor : 3 H.P.
Unit should be complete with standard milling tools.

2. SHAPING MACHINE — 1 unit
**Specifiication**
Power : 440, 3 phase 50 cycles AC
Model : Elliott 'S' Series 18S or equivalent
Speed ranges : 18-1000
Ram. Stroke : 18 ins.
Number of speeds : 4
Table : 16⅜" x 12"
Tool head. down feed : 5 (ins.)
Maximum tool section : 11/16" x 1¼"
Vice Jaws open
Additional Equipment:—
Tilting table top
Keyway cutter holder
Auto down feed
Friction clutch
Heavy duty table support complete set of shaping cutter tools.

2. Prices to include duty and delivery to Marine Police, Muara.
3. Tenders must be placed in sealed envelope and addressed to the Chairman, Tenders Board and clearly marked—
"ROYAL BRUNE POLICE FORCE — SUPPLY OF MILLING AND SHAPING MACHINES".
4. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN LEMBAGA KEMAJUAN EKONOMI, BRUNEI

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Rabu 23 Mei, 1984, bagi membekalkan kepada Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi, Kementerian Kewangan, Negara Brunei Darussalam.

SEBUAH STATION WAGON 4 WD 4 CYLINDER PETROL DRIVEN.

2. Butir-butir lanjut mengenai penentuan dan syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Lembaga Kemajuan Ekonomi, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, semasa waktu-waktu pejabat dibuka.

## Tawaran Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara

### No. 29/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Pejabat Kewangan Negara, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 4 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam.

PEMBEKALAN ALUMINIUM OXIDE METAL WORKING CLOTH BROWN TWILL.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### N. 30/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin. 4 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam :—

PEMBEKALAN HARPIC No. 6 (250 GMS) LAVATORY CLEANER

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 31/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin. 4 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam :—

PEMBEKALAN GALVANISED IRON PIPE FITTINGS SUITABLE FOR USE FOR GALVANISED IRON PIPE FOR WATER MEDIUM SERIES TO BS 1387/1967.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 32/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 4 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam :—

PEMBEKALAN SOAP TOILET 100 GM LUX ATAU YANG SEBANDING DENGANNYA.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

### No. 33/1984

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin, 4 Jun, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam :—

PEMBEKALAN NIKKEN DIESEL DRIVEN WELL-POINT PUMP AND EQUIPMENT.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Pejabat Stor-Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

## Gurkhas Reserve Unit Supply of Communications Equipment

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, Ministry of Finance Building, 4th Floor, Jalan James Pearce Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 21st May, 1984.

2. Tenders are invited for the supply of the following :—
a) RADIO EQUIPMENT AND SPARES
b) RADIO ANTENNA.
3. Detailed lists of the equipment required may be obtained from HQ Gurkha Reserve Unit, Sg. Akar Camp, Jalan Muara.
4. Substitution is NOT acceptable and there must be no changes to the technical requirement.
5. All prices quoted to be CIF Brunei.
6. Date of delivery to be stated.
7. Tenders must be contain-with no indication of the tenderer. The envelope should be ed in a plain sealed envelope marked "SUPPLY OF COMMUNICATIONS EQUIPMENT TO THE GURKHA RESERVE UNIT" in the top left hand corner.
8. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## Forest Department Tender Notice

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the 4th Floor, Jabatan Kementerian Kewangan Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan up to Monday 12 noon on 4th June, 1984 for the following :—

500 pairs Green Jungle Boots Canvas.
90 pairs Good Quality Leather Shoes.
300 pairs Good Quality Socks Grey/Black.

The tender is to state price C.I.F. Negara Brunei Darussalam and delivery time.

Tender must be submitted in plain sealed envelope, and there must be no indication on the envelope the name of the tenderer.

The envelope should be addressed to :—

The Chairman,
Tenders Board,
Kementerian Kewangan,
Bandar Seri Begawan,
Brunei.

The Government does not bind itself to accept the lowest tender.





KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam menerima Surat Tauliah Perlantikan dari dua orang Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi ke Negara Brunei Darussalam dalam satu Istiadat yang berlangsung di Istana Nurul Iman pada hari Isnin lalu.

Gambar (atas kiri) Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi New Zealand, Tuan Harle Freeman-Greene dan (kanan) Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi Bangladesh, Tuan Mustafizar Rahman menyembahkan Surat Tauliah Perlantikan masing-masing ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

## D.Y.T.M. Pengiran Perdana Wazir hadiri sidang khas

BANDAR SERI BEGAWAN. — Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Pengiran Muda Mohamed Bolkiah telah berangkat ke Jakarta pada hari Isnin lalu untuk menghadiri Persidangan Khas Menteri-Menteri Luar ASEAN yang berlangsung di ibu negara Indonesia itu.

Duli Yang Teramat Mulia disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian tersebut, Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Zakaria bin Datu Mahawangsa Haji Sulaiman dan Pegawai Pentadbir Bahagian Ketua Politik Kementerian berkenaan, Awang suyoi bin Haji Othman.

Berangkat mengucapkan selamat belayar kepada Duli Yang Teramat Mulia ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah; Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah dan lain-lain Kerabat Diraja.

Doa selamat telah dibacakan oleh Kadi Besar, Y.B. Pehin Datu Imam Dato Paduka Seri Setia Awang Haji Abdul Hamid bin Bakal.

# WI berjaya anjur musabaqah Quran

BANDAR SERI BEGAWAN. — Majlis Pertandingan Membaca Ayat-Ayat Suci Al-Quran peringkat saringan kali ke-4 anjuran Pertubuhan Perkumpulan Perempuan (WI) Negara Brunei Darussalam telah berlangsung di Bilik Bacaan Pusat Belia pada Jumaat lepas.

Datin Hajjah Noraini binte Haji Mohammad Hussin, selaku Pengerusi Tertinggi Pertubuhan WI dalam ucapan beliau, antara lain melahirkan rasa syukur dan gembira atas usaha-usaha giat pertubuhan ini yang telah banyak mencapai kejayaan, namun begitu beliau berharap agar usaha dalam jurusan lain juga mesti dipergiatkan demi untuk mensesuaikan WI ke arah kehendak negara kita Brunei Darussalam yang penuh merdeka lagi berdaulat.

Kegiatan seperti jualan kuih-muih yang diadakan setiap tahun dalam bulan Ramadan hasilnya telah didermakan kepada Tabung Anak-anak Cacat, dan mengadakan majlis doa selamat pergi dan kembali kepada ahli-ahli yang menunaikan fardu haji adalah merupakan kejayaan pertubuhan ini. Kejayaan seperti ini, tidak boleh dicapai tanpa kerjasama yang tidak putus-putus dan faham memahami dari semua ahli, kata beliau.

"Sebagaimana yang samasama kita ketahui kitab suci Al-Quran mengandungi petunjuk yang mesti kita ikuti dan patuhi jika sesorang akan mendapat kejayaan di dunia dan akhirat, orang yang tidak mengikuti petunjuk-petunjuk ayat suci Al-Quran itu adalah diibaratkan orang yang sesat di hutan belantara," tambah beliau lagi.

Dayang Hamidah binte Haji Abdul Latif telah muncul sebagai johan dalam pertandingan setelah berjaya mengalahkan 6 orang peserta, naib johan Hajjah Maimunah binte Haji Metussin dan Dayang Hajjah Maimunah binte Haji Ahad telah mendapat tempat ketiga. Sementara johan dan naib johan akan mewakili pertubuhan ini ke pertandingan peringkat Negeri.

Penyampaian cenderamata sumbangan dari Pengiran Hajjah Rohana binte Al-Marhum Pengiran Temanggung Sahibul Bahar Pengiran Haji Mohammad telah disempurnakan oleh Pengerusi Tertinggi Pertubuhan WI.

Turut menyerikan majlis pada hari itu ialah persembahan zikir marhaban oleh kira-kira seratus orang ahli yang hadir. Majlis diakhiri dengan bacaan Doa Selamat oleh Ustaz Haji Khalidi bin Abd. Karim — HA.



DAYANG Hamidah binte Haji Abdul Latif, johan pertandingan tersebut sedang menerima hadiah yang disampaikan oleh Datin Hajjah Noraini binte Haji Mohd. Hussin.

## Bayaran baru pemandu laut

BANDAR SERI BEGAWAN. — Jabatan Laut mengumumkan bahawa bayaran bagi perkhidmatan pemanduan kapal-kapal di perairan Brunei akan diubah mulai 1 Jun 1984. Semua kapal-kapal yang menghendaki perkhidmatan Jurupandu Jabatan Laut akan dikenakan bayaran yang telah ditetapkan.

Bagi perkhidmatan sejam bayaran dikenakan ialah $280.00 dan $140.00 bagi setengah jam selepas jam pertama dalam masa perkhidmatan pemanduan yang sama.

Jabatan itu juga mengumumkan bahawa bayaran yang dikenakan itu termasuklah juga penghantaran pergi balik Jurupandu ke kapal. Sementara itu bayaran akan tetap dikenakan jika Jurupandu telahpun diarah melapor diri meskipun perkhidmatannya tidak digunakan.

Perubahan ini adalah yang pertama kali sejak bayaran bayaran perkhidmatan pemanduan diperkenalkan pada 1 Ogos 1956. — NJ



Y.B. Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman disertai oleh isteri beliau sewaktu berlepas ke Jakarta.

## Waktu bekerja di bulan puasa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Waktu bekerja di Jabatan-Jabatan Kerajaan dikurangkan di sepanjang bulan puasa tahun ini.

Menurut Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri, waktu bekerja di sepanjang bulan Ramadan bagi tahun Hijrah 1404 pada hari Isnin sehingga Khamis dan Sabtu ialah dari jam 8.00 pagi hingga jam 2.00 petang.

Bagi pekerja-pekerja yang bergaji hari masa bekerja hendaklah dikurangkan selama satu jam dari waktu-waktu bekerja biasa sementara penentuan memulakan kerja terserahlah kepada budi cara Kementerian masing-masing.

## HADIRI PERSIDANGAN MENTERI-MENTERI

BANDAR SERI BEGAWAN. — Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan, Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz dan Yang Berhormat Menteri Pembangunan, Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman kini menghadiri persidangan di luar negeri.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan yang berlepas pada hari Khamis lalu menghadiri persidangan Menteri-Menteri Kesihatan Komanwel dan persidangan kesihatan sedunia di Geneva sebagai pemerhati.

Yang Berhormat Menteri Pelajaran dan Kesihatan itu disertai oleh Pemangku Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Awang Haji Chuchu bin Penglima Asgar Dato Paduka Haji Abdullah dan Timbalan Pengarah perkhidmatan Perubatan, Dato Haji Hussin bin Haji Md. Daud.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan pula kini berada di Jakarta untuk menghadiri persidangan Menteri-Menteri Ekonomi ASEAN kali yang ke-16 yang bermula hari Isnin.

Yang Berhormat disertai oleh Setiausaha Tetap Kementerian berkenaan, Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup Timbalan Pengarah Unit Perancang Ekonomi, Pegawai Pentadbir Pg. Yakob bin Pg Osman dan Ak Osman bin Pg Haji Petra. Mereka telah pun berada di Jakarta sejak 20 April lalu.



Y.B. Pehin Orang Kaya Laila Wijaya Dato Seri Setia Awang Haji Abdul Aziz sejurus sebelum berlepas ke Geneva.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.